

PENERAPAN WARNA ALAM PADA PAKAIAN KASUAL

FYP FTKW

NAIMAH BINTI ISMAIL

C17A0148

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

2021
KELANTAN



PENERAPAN WARNA ALAM PADA PAKAIAN KASUAL

OLEH :

NAIMAH BINTI ISMAIL

Laporan Projek Penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat

Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Teknologi Kreatif Dengan Kapujian (Textile Fesyen)

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya



Tandatangan

Nama Pelajar = NAIMAH BINTI ISMAIL

No. Matrik = C17A0148

Tarikh = 17/7/2021

Disahkan Oleh:

Nama Penelia = NAWWAL BINTI ABDUL KADIR

Cop = _____

Tarikh = _____

The Application of Natural Colors To Casual Wear

ABSTRACT

Natural color batik is gaining attention globally and locally, especially in the textile and fashion industries. Advantages of Natural color to the environment and also safe for practitioners, entrepreneurs and consumers. Therefore this study aims to apply natural colors to casual wear. The exploration approach of materials ranging from indigo and henna to textile is an initiative to be applied to men's and women's casual wear. In conclusion, this study provides awareness and opportunity to various parties to better use natural colors on the products produced.

Penerapan Warna Alam Pada Pakaian Kasual

ABSTRAK

Batik warna alam semakin mendapat perhatian diperingkat global dan juga tempatan terutamanya dalam industri textile dan juga fesyen. Kelebihan Warna alam kepada lingkungan dan juga selamat kepada pengamal, pengusaha dan pengguna. Oleh sebab itu kajian ini bertujuan untuk menerapkan warna alam pada pakaian kasual. Pendekatan eksplorasi bahan menbtah daripada indigo dan inai kepada textile menjadi satu inisiatif untuk diterapkan kepada pakaian kasual lelaki dan wanita. Kesimpulannya, Kajian ini memberikan kesedaran dan peluang kepada pelbagai pihak untuk lebih menggunakan warna alam terhadap produk yang dikeluarkan.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

Bersyukur kehadiran ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya saya mampu menyiapkan kajian saya ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya untuk menghasilkan kajian ini dengan menyediakan bahan rujukan di perpustakaan dan membantu saya dalam penghasilan kajian ini.

Melalui ruangan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Cik Nawwal Binti Abdul Kadir iaitu selaku penyelia kepada saya dalam menjalankan kajian ini. Beliau telah banyak memberikan sokongan, bantuan, dan bimbingan kerana tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau, kajian ini tidak mungkin dapat saya siapkan.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya kerana sentiasa menjadi tulang belakang dan memberikan semangat kepada saya untuk menyiapkan tugasan ini. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama membantu saya dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali saya berharap kajian ini mampu menjadikan rujukan sebaiknya untuk generasi yang akan datang.

NAIMAH BINTI ISMAIL, 2021

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	vi-xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1-4
1.1 Kajian Literatur	4-8
1.2 Penyataan Masalah	9-11
1.3 Persoalan kajian	11
1.4 Objektif kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	11-12
1.6 Kaedah kajian	12
1.6.1 Kajian Perpustakaan	13-14
1.6.2 Kajian Lapangan	15
1.7 Batasan kajian	15-16
1.8 Organisasi kajian	16-17
1.9 Penutup	18
BAB 2 Kajian Literatur	
2.0 Pengenalan	19
2.1 Sejarah Warna alam	19-21
2.2 Sejarah warna sintetik	21-22

2.3 Sejarah batik	23-24
2.4 Rumusan Kajian	24-25
2.5 Penutup	25-26
2.6 Rumusan kajian	26-27
2.7 Penutup	27
BAB 3 Metodologi Kajian	
3.0 Pengenalan	28
3.1 Kaedah Metodologi	28
3.1.1 kaedah Perpustakaan	29
3.1.2 Kaedah Lawatan	34
3.2 Diagram proses kajian	37
3.3 Penutup	38
BAB 4 Proses Analisis Kajian dan Keusahawanan	
4.0 Pengenalan	39
4.1 Menentukan Konsep Rekaan	39
4.1.1 Penyataan Rekaan	40
4.2 Perkembangan Idea	
I. Pemilihan motif	40-42
II. Lakaran motif	42-46
III. Lakaran pembangunan design	47-48
IV. Lakaran reka corak yang pilih diaplikasikan dalam bentuk produk akhir	49-52
4.3 Proses pemilihan warna	52-53
4.4 Proses pembuatan produk akhir	59
i. Langkah Satu (1) : Melukis Pola	60

ii.	Langkah dua (2) : Membasuh Kain putih atau proses modarting	61-62
iii.	Langkah tiga (3) : Proses Menekap rekaan corak ke atas kertas	62
iv.	Langkah empat (4):: Proses menekap rekaan corak pada kain	62-63
v.	Langkah lima (5): Proses ‘tracing’ rekaan corak pada kain	63
vi.	Langkah enam (6): Proses mencanting	64
vii.	Langkah tujuh (7) : Proses penghasilan warna	64-65
viii.	Langkah lapan (8): Proses merebus warna	65-66
ix.	Langkah sembilan (9) : Proses Sejukkan Warna	66-67
x.	Langkah Sepuluh (10): Proses mencelup	67-68
xi.	Langkah sebelas (11): Proses menutup warna (lock)	68-69
xii.	Langkah dua belas (12): Proses menjemur	69
xiii.	Langkah tiga belas (13): Proses silikat	70
xiv.	Langkah empat belas (14): Proses merebus	71
xv.	Langkah lima belas (15): Proses membasuh	71-72
xvi.	Langkah enam belas (16): Produk akhir	72-74
xvii.	Langkah tujuh belas (17): Proses fesyen illustration	74

BAB5 Saranan Dan Penutup

5.0 Pengenalan	75
----------------	----

5.1 Analisis data

5.1.1 Kaedah Temubual	75
-----------------------	----

5.1.2 Kaedah Pemerhatian	77
--------------------------	----

5.1.3 Kaedah Eksperimentasi	77
5.2 Hasil / Dapatan Kajian	78
5.3 Keputusan Dan Justifikasi	79
5.3.1 Menghasilkan warna ekstrasi yang tua dan tidak pudar	79
5.3.2 Perbezaan yang terhasil semasa proses silikat dan proses menanggalkan lilin.	80-81
5.3.3 Cara untuk menghasilkan warna alam yang rata pada permukaan kain	81-82
5.4 Strategi pemasaran (keusahawanan)	82
5.4.1 Produk perkhidmatan	83
5.4.2 Lokasi	83-84
5.4.3 Harga	84-85
5.4.4 Promosi	85-86
5.5 Perbincangan	86-87
5.6 Cadangan	87-89
5.7 Kesimpulan	88
BIBLIOGRAFI	89-93
LAMPIRAN	94-96

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
2.6 Rumusan Kajian	26-27
3.2 Diagram proses kajian	37
4.4 Proses Pembuatan Produk Akhir	65
5.4.3 Harga	85



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

	HALAMAN
1.1Kajian Literatur	6-7
2.5 Pakaian Kasual	25
4.2 Perkembangan Idea dan Proses Akhir	41-59
4.4 Proses Pembuatan Produk Akhir	59-74
5.1.1 Kaedah Temubual	76
5.3.1 Menghasilkan warna ekstrasi yang tua dan tidak pudar	81
5.3.3 Cara untuk menghasilkan warna alam yang rata pada permukaan kain	82

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB SATU
PENDAHULUAN

1 Pengenalan

Sehelai kain kelihatan menarik dan indah disebabkan oleh reka corak dan padanan warna yang menghiasinya (Nor Azlina Yunus, 2011). Kombinasi warna yang menarik akan memperlihatkan potensi kain tersebut laris dan mempunyai nilai komersial yang tinggi dalam pasaran semasa. Rata-rata pengiat industri batik di Indonesia mengakui bahawa:

“...batik tradisional yang menggunakan pewarna alami diminati pasar ekspor, karena unik dibandingkan produk pewarna sintesis. Ia mengaku sudah menerima pesanan dari Belanda, Itali dan Jerman.”

<https://www.beritasatu.com/beritasatu/gaya-hidup/180399/keunikan-batik-warna-alami-pikat-pasar-ekspor>).

Ini memberi gambaran yang jelas, bahawa permintaan produk batik dengan menggunakan WA diminati oleh masyarakat di Eropah. Batik WA memiliki keunikan tersendiri dan mampu memberi inspirasi baru kepada pembatik di Malaysia dalam usaha untuk merancakkan kembali industri batik yang kian suram (<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20160916/281917362541785>).

Hal ini demikian, proses pengolahan atau penghasilan WA ini agak sukar tetapi mesra terhadap persekitaran. Oleh itu, pewarnaan ini selayaknya dipertahankan dan dijaga untuk kebaikan generasi akan datang. Generasi millennium ini perlu

diberi pemahaman yang jelas akan kepentingan WA dan risiko penggunaan WS yang mengundang bahaya kepada kesihatan manusia dan boleh merosakkan alam sekitar (<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harianmalaysia/2016016/281917362541785>). Pewarnaan alam sebagai warisan batik tradisional ini mampu memartabatkan budaya tradisional supaya tidak lapuk dek zaman sebagaimana yang diungkapkan oleh Nurul Izzah Anwar (, iaitu:

“...batik Malaysia sebagai khazanah negara dan berharap agar batik Malaysia diperkuat dan diperhebat lagi dalam usaha untuk mengangkat batik Malaysia di persada dunia.”

Penerapan WA pada fabrik sesuai digunakan kerana dihasilkan daripada bahan semulajadi. Warna Alam (WA) boleh dihasilkan daripada pelbagai jenis sumber alam seperti batu batuan, kayu kayan, tanah tanih, lumpur, karangan laut, daun daunan dan lain-lain. Menurut Titiet Pujilestari (2014). kebiasaannya sumber alam yang digunakan bagi menghasilkan WA diperolehi daripada bahagian tumbuh-tumbuhan seperti bahagian akar, teras, kulit (pokok atau buah), buah, biji, daun, bunga dan pucuk. Antara contoh warna alam yang biasa digunakan adalah warna indigo, inai, kunyit dan banyak lagi.

Pelbagai kaedah digunakan untuk menghasilkan WA dan hasil yang diperolehi juga turut berbeza (Meylinda Mulyati, 2009). Untuk menghasilkan WA, beberapa proses perlu dilakukan secara berperingkat iaitu dimulai dengan proses meracik bahan, merebus, mengecap corak (menggunakan blok batik atau memilin corak dengan menggunakan canting), mencelup, mematikan warna, menjemur dan mencuci (H. Harmoko, 1997).

Kebiasaannya, WA digunakan dalam industri batik dan tenunan kerana ia diklasifikasikan sebagai fabrik eksklusif. Eksklusif di sini bermaksud, proses

menghasilkannya dilakukan dengan penuh ketelitian oleh orang yang mahir dan ahli memandangkan proses untuk menghasilkan warna daripada bahan semulajadi tidak mudah kerana memerlukan proses yang agak lama (Septia Andini, Dian Widiawati S. Sn., M. Sn., 2013).

Namun begitu, WA dalam industri batik di Indonesia khususnya batik sarung telah menjadi warisan budaya dalam kalangan masyarakat Indonesia kerana mengandungi makna yang tersirat sebagaimana yang tertera dalam kajian Biranul Anas et.al., (1997), iaitu:

“Pada masa kini istilah batik telah meluas dan mewahana ke berbagai bentuk pengertian dalam dimensi pemaknaan, prinsip tujuan, hingga menyangkut pengaruh kebinekaan budaya Indonesia”.

Batik memberikan pengaruh yang besar kepada industri tekstil Indonesia kerana negara ini merupakan pengeluar batik yang terbesar di dunia (S. K. Sewan Susanto, 2018), tambahan pula pada 2 Oktober 2009 pihak *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) telah mengiktiraf kain batik panjang Daerah Pekalongan sebagai warisan budaya milik Indonesia (<https://nasional.kompas.com/read/2017/10/02/08144021/2-oktober-2009-unesco-akui-batik-sebagai-warisan-dunia-dari-indonesia>.)

Batik mempunyai dua jenis proses untuk dilakukan iaitu batik cap dan batik lukis. Batik cap biasanya dibuat pada kain sarung manakala batik lukis dibuat untuk pakaian kasual seperti baju kurung dan baju kemeja. Batik cap dilakukan dengan proses membuat blok terlebih dahulu kemudian dicelup dengan lilin panas dan dicap keatas kain. Batik lukis pula dilakukan menggunakan canting yang dicelup dengan lilin panas kemudian motif batik dilukis keatas kain sehingga

menjadi reka corak yang menarik. Teknik batik melibatkan penggunaan lilin atau sesuatu bahan lain seumpama kanji yang pekat, dan sebagainya. Menghasilkan corak atau motif batik dalam dua warna tidaklah begitu susah. Bahagian-bahagian tertentu pada sehelai kain diterapkan dengan lilin yang telah dipanaskan. Apabila dicelup, bahagian-bahagian yang telah diterapkan dengan lilin itu tidak akan disentuh oleh bahan pewarna (Abdullah Jumain, 1990).

1.1 Kajian Literatur

Menurut kajian Titiek Pijulestari (2015) bertajuk Sumber dan Pemanfaatan Zat warna Alam Untuk Keperluan Industri telah menyatakan:

“...seni aplikasi warna telah dikenal manusia mulai dari zaman dahulu, pada 5300 SM (sebelum masihi) manusia telah menggunakan zat pewarna alami yang diekstrak dari sayuran, buah-buahan, bunga, dan serangga”

Dari segi pewarnaan dapat dibahagikan kepada dua (2) jenis iaitu warna alam (WA) dan warna sintetis (WS). WA merupakan alternatif pewarna yang tidak mempunyai toksik, dapat diperbaharui (renewable) dan mesra alam (Yernisa et.al., 2013). Setiap tanaman dapat menjadi sumber WA kerana mengandungi pigment (warna). WS pula mempunyai beberapa kelebihan berbanding WA kerana boleh didapati dalam pasaran semasa sepanjang masa, jaminan ketersediaan pilihan warna dan lebih praktikal penggunaannya (Wayan Suarsa, 2011) pada semua jenis fabrik.

Warna pada fabrik dapat menjadi cerminan diri seseorang itu. Seorang individu dapat dikenali personalitinya melalui warna pakaian yang dipakai, digunakan atau dipilih kerana warna mempunyai pengaruh yang besar terhadap kehidupan setiap individu (Fariz Sakina, 2018). Oleh itu, Warna memainkan peranan yang besar dalam kehidupan seseorang, malahan alam di sekeliling kita turut membantu menyajikan warna dengan pelbagai warna yang menarik melebihi daripada warna pelangi. Menurut Fariz Sakina (2018) lagi, psikologi warna mengajar kita mengenai persepsi manusia tentang warna yang ada dalam kehidupan seharian.

Warna mempunyai hubungan dan karakteristik yang rapat dengan manusia. Karakteristik ini diperlihatkan pada spektrum yang dihasilkan apabila terbias pada cahaya iaitu gelombang yang dapat dikesan oleh sensitiviti pancaindera setiap orang. Setiap warna mempunyai makna yang tersendiri dan dipercayai boleh mempengaruhi tindak tanduk seseorang itu (Fariz Sakina, 2018). Oleh itu, warna dalam batik memainkan peranan penting bagi menyerlahkan motif batik itu sendiri. Semua motif yang dihasilkan oleh teknik tersebut disebut 'batik'. Teknik ini melibatkan proses mewarnai sehelai kain untuk dicelup. Bahagian yang tidak diinginkan terkena warna pewarna, disapu dengan lilin terlebih dahulu (Abdullah Jumain, 1990).

Menurut kajian daripada Mununtun Manurung 2012 menyatakan bahawa WA telah disyorkan sebagai pewarna yang mesra untuk kedua-duanya persekitaran dan kesihatan kerana kandungannya komponen semula jadi mempunyai nilai beban pencemaran yang agak rendah, senang

terbiodegradasi dan tidak beracun. Tumbuhan digunakan sebagai pewarna boleh diperoleh di sekitar persekitaran kita jadi jimat. WA pada tekstil umumnya diperoleh daripada hasil ekstrak berbagai tumbuhan seperti akar kayu, bunga, biji ataupun daun. Antara tumbuhan yang menghasilkan ekstraksi warna adalah daun senduduk, daun manggis, daun ketapang, kunyit dan juga indigo. Setiap ekstraksi warna daripada tumbuhan ini akan menghasilkan warna yang berbeza-beza.



Gambar 1.1.1 Bahan WA daun manggis menghasilkan warna kecoklatan

- 1) Daun Manggis atau nama saintifiknya *Garcinia Mangostana L*, merupakan *Garcinia mangostana L* adalah salah satu tanaman yang mempunyai potensi tinggi antioksidan semula jadi yang diketahui mampu menghalang radikal bebas (Nervita Noor Izzati, 2012). Ekstraksi warna daripada daun manggis mampu menghasilkan warna kecoklatan.



Gambar 1.1.2 Bahan WA kunyit menghasilkan warna kuning

- 2) Kunyit atau nama sintifiknya *Curcuma domestica Val* merupakan bahan ekstrasi warna alam yang mudah diperolehi (Yovika Okvisia, 2020). Kunyit merupakan bahan yang digunakan oleh masyarakat dalam masakan, ubatan, kecantikan dan sebagainya. Oleh itu untuk mendapatkan bahan warna kunyit amat mudah diperolehi dan banyak dijual di kedai-kedai berhampiran.



Gambar 1.1.3 Bahan WA Indigofera yang dapat mengekstrak warna biru

- 3) Indigofera adalah genus besar dari lebih daripada 750 spesies tumbuhan berbunga yang tergolong dalam keluarga kacang Fabaceae. Mereka diedarkan secara meluas di seluruh kawasan tropika dan subtropika di dunia. Pewarna

indigo adalah sebatian organik dengan warna biru khas. Dari segi sejarah, indigo adalah pewarna semula jadi yang diekstrak dari tumbuh-tumbuhan, dan proses ini sangat penting bagi ekonomi kerana pewarna biru dulunya jarang berlaku. Sebilangan besar pewarna indigo yang dihasilkan hari ini - beberapa ribu tan setiap tahun - adalah sintetik. Warna biru dalam pewarna ini sering dikaitkan dengan seluar jeans biru. <https://en.wikipedia.org/wiki/Indigofera>



- 4) Pokok Senduduk adalah tanaman yang dapat menghasilkan ekstraksi warna alam atau nama saintifiknya dikenali sebagai *Melastoma Malabriticum*. Pokok senduduk merupakan sejenis pokok renek atau sejenis pokok herba yang selalunya tumbuh meliar di negara Malaysia. Tumbuhan ini digunakan secara meluas dalam perubatan tradisional didalam dan luar negara kerana didakwa diantara khasiat senduduk adalah berguna untuk merawat luka dalaman dan luaran. Selain itu daun senduduk juga berfungsi mengekstrak WA dalam pembuatan batik dan warna yang dapat dihasilkan daripada daun senduduk adalah kuning muda.

1.2 **Penyataan Masalah**

Pewarnaan memainkan peranan yang penting dalam industri fabrik dan fesyen di seluruh dunia. Warna dapat dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu WA dan warna sintetik (WS). Sumber untuk menghasilkan WA ini telah diberi penjelasan pada halaman 2, sementara WS dihasilkan dengan menggunakan sebastian kimia khas. WS merupakan pewarnaan hasil daripada sebastian kimia yang telah dimodifikasikan seperti warna primazin, remazol dan pewarna naphthol dan lain-lain (S. K. Sewan Susanto, 2018). Menurut Meylinda (2009), WA kini digunakan dalam industri fabrik kerana pihak industri sudah mengetahui kesan buruk yang dihasilkan daripada penggunaan WS.

Kewujudan WA dalam industri batik sejak dahulu dan kini berkembang sejajar dengan permintaan terhadap batik asli telah meningkatkan taraf batik menjadi lebih eksklusif kini di pasaran global dan global. Selain itu juga, WA ini tidak mudah pudar dan menyerap serta meresep dengan baik pada kain (Heriyanto Atmojo, S. Sn., 1997).

Permasalahan yang pertama adalah kesan daripada pengubahsuaian sebastian kimia ini boleh menjejaskan kualiti hidup kepada pengguna dan menyebabkan pencemaran alam sekitar kerana sisa bahan ini mengandungi karsinodenit amina dan petrokimia, yang penyerapannya dalam tanah atau dilepaskan ke sungai tidak boleh terurai dengan mudah secara semulajadi (Septia Andini, 2014). Pada tahun 1960, aktivis alam sekitar di Amerika Syarikat menentang penggunaan warna sintetik dan hal ini telah tersebar luas (Titiek, 2015). Disamping itu

menghasilkan produk dengan menggunakan WA memiliki kelebihan yang baik iaitu mesra alam.

Masalah kedua yang dihadapi dalam penerapan WA pada pakaian kasual adalah, orang ramai tidak memberi perhatian khusus pada WA disebabkan WS lebih mudah diperolehi, murah dan senang digunakan ke atas fabrik. Berbeza pula dengan WA, proses untuk menghasilkan warna ini perlu melalui proses yang panjang dan kuantiti yang dihasilkan juga tidak setanding dengan masa yang dikorbankan jika dibandingkan (Tititek Pujilestrai, 2015) dengan WS yang mudah didapati di kedai-kedai yang terpilih.

Seterusnya, ketiadaan stok simpanan WA yang *ready to use* dalam pasaran Malaysia menafikan hak WA ini untuk berkembang luas dalam pasaran semasa, lalu menyumbang kepada lunturnya minat pengusaha batik tempatan untuk mengeluarkan produk batik berasaskan WA (Faridah Hj. Salehan, 2009).

Masalah yang terakhir ialah kurangnya penerapan WA pada fabrik atau pakaian berasaskan batik khususnya pakaian kasual. Hal ini berkait rapat dengan masalah penetapan harga dalam pasaran semasa. Harga fabrik atau pakaian (menggunakan WA) dijual dengan harga yang mahal berbanding dengan harga fabrik yang dihasilkan daripada WS (Titiek Pujilestari, 2015). Fenomena ini terjadi disebabkan variasi WA terhadap juka dibandingkan dengan kepelbagaian variasi WS yang menepati cita rasa pengguna yang mahukan produk dengan warna yang menonjol dan menyerlah mengikut *trend* semasa (Septia & Dian, 2014) .

1.3 Persoalan Kajian

- 1.3.1 Apakah proses yang harus dilakukan untuk menghasilkan batik WA ekstrasi yang tua dan tidak pudar.
- 1.3.2 Mengapakah proses silikat dan proses merebus lilin menjadikan warna pada kain berbeza dengan warna celupan pertama.
- 1.3.3 Bagaimakah cara untuk menghasilkan WA ekstrasi yang rata pada permukaan kain batik

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji penerapan WA pada pakaian kasual menggunakan teknik membatik. Berdasarkan dari permasalahan kajian, objektif penelitian dilakukan adalah bertujuan untuk mendapat dan mengumpulkan hasil kajian dari pewarnaan alam supaya menjadi rujukan untuk generasi seterusnya. Pewarnaan alam yang kurang mendapat sambutan oleh pengusaha dan pengkaji warna batik di Malaysia menjadi inspirasi kepada pengkaji untuk meneruskan kajian ini. Justeru, berikut merupakan antara objektif yang ingin di capai di dalam kajian ini: Beberapa objektif telah ditentukan, iaitu:

- 1.3.1 Menghasilkan produk batik warna alam.
- 1.3.2 Produk siap ini dihantar untuk dijahit dengan tukang jahit yang mahir mengikut design yang telah disediakan oleh pengkaji.
- 1.3.3 Menghasilkan ilustrasi fesyen, iaitu pakaian kasual wanita.

1.5 Kepentingan kajian

Kepentingan kajian merupakan hala tuju serta keperluan mengapa kajian ini perlu di lakukan. Kajian ini memberikan manfaat kepada pihak industry batik khususnya dan juga kepada pihak yang menggemari pewarnaan alam kerana di dalam kesuluruhan kajian ini pengkaji memberi informasi dan meneliti tentang teknik dan proses pembuatan zat warna ekstraksi. Terdapat beberapa kepentingan penerapan warna alam pada pakaian kasual yang dikaji iaitu:-

1.4.1 Untuk dijadikan sumber rujukan kepada para ilmuan dan pengembangan ilmu pengetahuan dari masa ke semasa.

1.4.2 Mendokumentasikan proses menghasilkan WA kunyit dan daun manggis dari awal hingga akhir. Maklumat ini penting kerana untuk menghasilkan WA ini, mengambil masa yang panjang.

1.4.3 Untuk menambah lagi koleksi warna alam pada pakaian kasual setanding dengan peredaran trend pada masa sekarang.

1.6 Kaedah kajian

Kaedah kajian merupakan satu garis panduan dan penanda aras bagi memastikan kajian yang dijalankan ini berjaya. Antara objektif yang telah ditetapkan adalah kaedah perpustakaan dan kaedah lapangan.

1.6.1 Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan merujuk kepada sumber ilmiah bercetak seperti rujukan yang dilakukan dengan menggunakan buku, jurnal, kajian ilmiah, sesertasi, tesis, majalah artikal yang terdapat dalam laman sesawang dan lain-lain. Pengumpulan maklumat awal ini diperlukan agar pengkaji memperolehi input awal berkaitan topik kajian. Dalam kajian ini, pengkaji perlu mencari bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti batik dan bahan warna alam. Berdasarkan tajuk kajian, penyelidikan ini memerlukan kepada bahan-bahan rujukan dari pelbagai bidang seperti tekstil dan juga fesyen.

1.6.1 Kajian Lapangan

Pengkaji melakukan kaedah kajian lapangan bagi mendapatkan gambaran yang sebenarnya bagi mengesahkan kesahan maklumat awal yang didapati daripada kajian kepustakaan. Dalam kajian lapangan ini, pengkaji telah menggariskan lima (5) sub kategori untuk dilaksanakan, iaitu:

a) Lawatan

Lawatan dilakukan ke lokasi kajian iaitu ke tempat pengusaha batik iaitu Citra Fajar di Tumpat Kelantan. Kilang batik Citra Fajar mempunyai pelbagai proses pembuatan batik seperti proses mencanting, mewarna dan juga proses pembuatan batik silksreen.

b) Temubual.

Kajian ini turut menemubual beberapa orang pengusaha batik di sekitar Kampung Tunjong, Lembah Sireh dan Kampung Kota, Kota Bharu. Tidak ketinggalan juga, temubual ini turut melibatkan ahli akademik yang terlibat secara langsung dalam industri batik di Malaysia.

c) Pemerhatian.

Ketelitian terhadap pekerja dalam industri batik dalam melaksanakan tugas harian mengikut kepakaran masing-masing turut dititikberatkan. Aktiviti dilaksanakan ke atas skop kerja mewarna, mengecap, melilin, mematikan warna, membersihkan kain, menjahit dan membungkus produk siap.

d) *Design Department.*

Keperluan kajian dibahagian ini, untuk pengkaji menghasilkan rekaan corak blok batik daripada proses pemilihan motif, mereka corak sehinggalah menghantar design ke tempat pembuatan blok tembaga bagi menghasilkan blok batik. Fesyen ilustrasi turut dihasilkan dalam jabatan ini.

e) Bengkel Batik.

Aktiviti di dalam bengkel ini merangkumi aktiviti menghasilkan corak batik di atas permukaan kain dengan

menggunakan teknik cap. Selain itu juga, bengkel ini digunakan untuk pengkaji menghasilkan WA bagi memenuhi kehendak kajian.

f) Bengkel Jahitan.

Bengkel jahitan merupakan lokasi bagi menghasilkan produk yang siap. Semua kain batik yang telah siap akan dihantar untuk dijahit menjadi pakaian kasual yang telah ditetapkan. Produk akan dijahit mengikut kesesuaian design yang telah direka sebelumnya. Batik tersebut akan melalui proses jahitan untuk menghasilkan sebuah produk fesyen trend yang terkini.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini banyak memberi fokus kepada penerapan warna alam berbanding dengan warna sintetik. Kajian ini juga turut memberikan input sampingan berkeenaan penerapan WA pada pakaian kasual. Selain itu pengkaji juga mengkaji mengenai batik kerana batik mempunyai kaitan dengan kajian WA yang dijalankan.

1.7.1 Menghasilkan batik menggunakan bahan bersumberkan warna alam.

Pengkaji melakukan kajian terhadap WA yang digunakan.

Bagi bahan-bahan WA ini, pengkaji mendapatkan tumbuhan di kawasan yang berdekatan sahaja untuk memproses menghasilkan warna.

1.7.2 Menghasilkan WA daripada tumbuhan kunyit daun manggis dan daun senduduk.

Pengkaji melakukan kajian terhadap WA yang digunakan. Bagi bahan-bahan WA ini, pengkaji mendapatkan tumbuhan di kawasan yang berdekatan sahaja untuk memproses menghasilkan warna.

1.7.3 Menghasilkan produk siap daripada warna alam.

Produk siap iaitu dua pakaian wanita. Kedua-dua baju ini direka sendiri oleh pengkaji dan dihantar kepada tukang jahit untuk dijahit. WA dan corak batik terkini mengikut trend semasa diterapkan menjadi pakaian yang siap.

1.8 Organisasi Kajian

1.7.1 Bab Satu : Pendahuluan

Di dalam bab satu menghuraikan kajian utama pengkaji mengenai warna alam. Selain itu, menerangkan pengenalan, kajian literatur, objektif kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian. Pengkaji juga turut menerangkan warna alam yang dikaji dan diterapkan pada pakaian kasual.

1.7.2 Bab Dua : Kajian Literatur

Pada bahagian ini menyatakan tentang kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji iaitu penerapan warna alam

pada pakaian kasual. Dalam bab ini juga pengkaji menerangkan berkaitan batik menggunakan warna alam(WA), warna sintetik (WS), takrifan batik dengan WA serta pakaian kasual.

1.7.3 Bab Tiga : Kaedah Kajian

Bab ini membincangkan mengenai metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan ataupun melaksanakan kajian ini. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan data yang tepat ataupun sempurna, kaedah kajian ini juga perlulah dijalankan mengikut prosedur-prosedur yang betul. Kajian mengenai penerapan batik WA pada pakaian kasual dialankan dengan proses yang betul dimana perbualan temubual dan kajian lapangan dilakukan di beberapa tempat

1.7.4 Bab Empat : Proses/Analisis Kajian/Keusahawanan

Di dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan secara terperinci berkaitan proses-proses penghasilan projek akhir yang telah dilakukan. Berdasarkan tajuk kajian iaitu penerapan warna alam dilakukan secara berperingkat iaitu menentukan konsep rekaan, perkembangan idea reka corak motif dan pemilihan material, proses pemilihan warna dan proses pembuatan produk.

1.7.5 Bab Lima : Saranan dan Penutup

Dalam bab ini, pengkaji akan diterangkan secara terperinci mengenai analisis data yang telah dilakukan dan hasil dapatan kajian yang diperolehi sepanjang proses kajian yang dijalankan.

Kajian ini telah dianalisis dengan berteraskan sumber primer sahaja iaitu pengkaji menggunakan kaedah metodologi secara temubual, pemerhatian dan kaedah eksperimentasi untuk mendapatkan hasil dapatan kajian.

1.9 Penutup

Rumusan daripada bab satu menerangkan secara ringkas mengenai batik WA, WS dan pakaian kasual. Bab ini juga menerangkan masalah yang dihadapi semasa kajian dilakukan. Batik warna alam telah lama berada dalam industri tetapi hanya dalam industri-industri kecil. Pengkaji telah menerangkan secara khusus tentang permasalahan kajian serta objektif yang menjadi panduan di dalam kajian ini. Tujuan pembahagian seperti ini di buat adalah supaya kajian sentiasa berada dalam landasan yang betul. Antara faktor lain adalah supaya pengkaji mempunyai fokus dalam membuat kajian ini.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Pada bahagian ini menyatakan tentang kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji iaitu penerapan warna alam pada pakaian kasual. Dalam bab ini juga pengkaji menerangkan berkaitan batik menggunakan warna alam(WA), warna sintetik (WS), takrifan batik dengan WA serta pakaian kasual. Perkembangan batik yang sangat pesat tidak dijangka menambah beban alam sekitar. Perniagaan batik yang menghasilkan batik dengan menggunakan warna semula jadi adalah usaha yang sebenar untuk mengembangkan batik.

Batik mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia disebabkan oleh keunikan, kehalusan dan rekaan batik yang unik. Kini masyarakat cenderung dalam rekaan corak batik yang berbeza dan terbaru.

2.1 Kajian Terdahulu

Kajian terdahulu adalah salah satu rujukan asas semasa menjalankan kajian. Kajian sebelumnya mempunyai fungsi untuk memperluas dan memperdalam maklumat atau teori yang akan digunakan dalam kajian yang dijalankan. Kajian terdahulu dapat menjadi sumber inspirasi yang kemudiannya membantu dalam kajian yang dijalankan. Di samping itu, pengkaji juga dapat mengkaji apa yang kurang dan kekuatan untuk dikembangkan (Harys, 2020).

Kajian terdahulu juga merupakan usaha pengkaji untuk mencari perbandingan dan seterusnya menemukan inspirasi baru. Kajian ini

menerangkan mengenai penerapan (WA) pada pakaian kasual. Pengkaji telah meneliti beberapa buku serta jurnal untuk dijadikan sebagai rujukan berkenaan batik, warna alam, dan pakaian kasual.

Teknik batik telah tersebar luas ke seluruh pelusuk dunia. Teknik ini terdapat di Mesir, Afrika, India, Jawa dan tempat-tempat yang lain. Sejarah tentang asal usul teknik batik adalah kabur kerana sukar untuk menerangkan bahawa teknik batik berasal dari suatu punca yang tertentu dan kemudian tersebar ke berbagai-bagai tempat yang lain. Teknik batik lebih diyakini sebagai penciptaan bebas.

Menurut I.S.S Sharifah et.al (2017) dalam jurnal beliau mengatakan bahawa terdapat pelbagai jenis batik di Malaysia dan antara teknik yang popular adalah batik yang dilukis dengan tangan, batik blok dan batik skrin. Proses ini melibatkan penggunaan bahan tahan (biasanya campuran lilin dan rosin) dengan alat tangan (dikenali sebagai canting) untuk membentuk corak pada kain yang diwarnakan secara selektif dengan pewarna reaktif . Lapisan lilin dihantar melalui bekas tembaga kecil atau tembaga yang disambungkan ke kayu (biasanya buluh) pemegang. Bekas diisi dengan lilin cair yang dicairkan secara berasingan di dalam periuk. Artis batik kemudian menggunakan canting atau 'pen diisi lilin' untuk menarik motif atau reka bentuk pada kain. Pengkomersialan batik pengeluaran bermula pada tahun 1960-an dan telah meningkat kerana permintaan penduduk tempatan dan juga disokong oleh pelancong.

Seterusnya, canting atau 'tjanting' adalah alat tangan tradisional yang digunakan untuk menerapkan lilin pada garis dan titik-titik halus

pada kain untuk membuat batik yang indah reka bentuk. Simulasi termal model canting menunjukkan bahawa maksimum dan suhu minimum masing-masing ialah 72.3°C dan 32.0°C . Pembacaan suhu yang diperoleh didapati selaras dengan hasil pengagihan haba sebenar untuk canting dengan perbezaan suhu maksimum antara 3-6%. Dibayangkan bahawa dengan lebih ergonomik dan kemudahan penggunaan alat batik akan meningkatkan proses pembuatan dan pembuatan batik di Malaysia (I.S.S Sharifah, 2017).

2.2 Sejarah Warna Alam

Warna adalah salah satu tarikan utama, dan merupakan kriteria penting untuk penerimaan produk seperti tekstil, kosmetik, makanan dan lain-lain (Rymbai et al., 2011). Menurut Titiek Pujilestari (2015), seni aplikasi warna telah diketahui oleh manusia sejak zaman kuno, pada tahun 3500 SM (BC) manusia telah menggunakan pewarna semula jadi yang diekstrak dari sayur-sayuran, buah-buahan, bunga, dan serangga (Kant, 2012).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Titiek Pujilestari, 2015 :

“ mumi yang ditemukan di makan raja Tutankhamen di mesir terbungkus oleh kain berwarna merah, hasil uji kimia menunjukkan bahwa warna merah merupakan senyawa alizarin suatu pigmen yang diekstrak dari madder”

Cacatan yang ditulis bahawa penemuan warna telah berabad lama ditemukan. Sehingga sekarang kehidupan manusia dipenuhi dengan warna-warni dan pakaian batik juga tidak akan terserlah tanpa warna. Pada abad keempat Masihi, pewarna seperti woad, madder, weld, brazilwood,

indigo (indigo), telah diketahui, bahkan inai digunakan pada tahun 2500 SM. (Rymbai et al., 2011).

WA berasal daripada tanaman semulajadi dan diproses sehingga menjadi warna yang cukup untuk dicelup pada kain. Selain itu, kebanyakan tanaman yang digunakan oleh industri yang mengeluarkan warna alam seperti sabut kelapa, warna indigo, daun ketapang, daun inai, daun nangka, kunyit, mengkudu, daun manggis, daun mangga, kulit buah rambutan dan lain-lain lagi. Kini WA dari sumber semula jadi banyak digunakan oleh industri tekstil batik dan juga kraf (Titiek & Irfa'ina, 2017). Untuk menghasilkan pewarna semula jadi dalam bentuk siap pakai, yang tersedia di pasaran dalam jumlah yang cukup dan dengan harga yang kompetitif, masih memerlukan waktu yang lama atau beberapa tahun. Hal ini kerana pewarna semula jadi di pasaran sekarang adalah produk dari industri kecil yang sumber bahan mentahnya tidak dapat diuruskan dengan betul.

Pada awalnya, proses pewarnaan tekstil menggunakan pewarna semula jadi, tetapi dengan kemajuan teknologi, penemuan pewarna sintetik telah berkembang pesat, sehingga penggunaan pewarna semula jadi menjadi terhakis. Penggunaan pewarna semula jadi, yang merupakan kekayaan budaya warisan nenek moyang kita, masih dipertahankan, terutama dalam proses mewarnai makanan, merancang pakaian, dan membuat batik. Reka bentuk pakaian dan kain batik yang menggunakan pewarna semula jadi mempunyai nilai jual atau ekonomi yang tinggi kerana mempunyai nilai seni, warna khas, dan mesra alam .

2.3 Sejarah Warna Sintetik

Pada umumnya warna sintesis (WS) mempunyai beberapa kelebihan, termasuk; pelbagai jenis warna dengan rentang warna yang luas, persediaan terjamin, terang , stabil, tidak mudah pudar tahan terhadap pelbagai keadaan persekitaran, daya pewarna yang kuat, mudah diperolehi, murah, ekonomik, dan mudah digunakan. Walau bagaimanapun, penggunaan warna sintetik yang berlebihan boleh menyebabkan masalah kesihatan dan persekitaran dan memberi kesan buruk kepada semua bentuk kehidupan. WS digunakan untuk pelbagai tujuan, tidak hanya untuk mewarnai tekstil, kraftangan, peralatan rumah tangga, kenderaan, dan dalaman / luaran bangunan; tetapi juga untuk makanan, minuman, dan lain-lain.

Menurut penulisan Titiet Pujilestari (2015), kemajuan teknologi telah menciptakan warna sintetik (WS) dengan pelbagai variasi warna (Manurrung, 2012). WS mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan WA iaitu mudah dijual dipasaran, ketersediaan warna terjamin, pelbagai jenis warna ketersediaan warna terjamin, pelbagai jenis warna (Suarsa, et al. 2011), dan lebih praktikal / mudah digunakan (Suarsa et al., 2011) serta lebih menjimatkan (Purnomo, 2004) dan lebih murah (Paryanto et al., 2012; Kartina et al., 2013). Selain itu, pewarna sintetik lebih stabil, lebih tahan terhadap pelbagai keadaan persekitaran, mempunyai daya pewarna yang lebih kuat dan mempunyai julat warna yang lebih luas (Kartina et al., 2013) dan tidak mudah pudar dan berwarna cerah (Kant, 2012).

Sisa pewarna sintetik boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar dan merupakan bahan berbahaya, kerana sebilangan pewarna boleh terdegradasi menjadi bahan karsinogenik dan toksik (2011; Kant, 2012). Seterusnya, Kant (2012) menyatakan bahawa sisa industri tekstil penuh dengan warna dan bahan kimia, dari pewarna sintetik. Oleh itu penggunaan pewarna sintetik boleh menyebabkan pencemaran air dan tanah serta toksik dan memberi kesan buruk kepada semua bentuk kehidupan.

2.4 Sejarah Batik

Batik telah terkenal sejak berkurun lama lagi, pemakaian batik menjadi lambang kepada sesebuah perkauman. Perkembangan batik pada zaman sekarang sangat berbeza dari segi motif, warna dan bahan asas yang digunakan. Asal batik bermula seawal zaman nenek moyang kita pada abad ke-17 berusaha menulis pelepah sawit. Pada zaman itu, motif yang terutama adalah flora dan fauna tempatan, yang kemudian berkembang menjadi hiasan yang dipengaruhi oleh agama Hindu seperti awan, relief batu kuil, watak wayang kulit dan objek menarik lainnya. Penyatuan motif lukisan dan pakaian hiasan akhirnya menyebabkan timbulnya batik yang dilukis degan tangan seperti yang kita kenal sekarang (Pramesi Lokaprasida, 2017).

Pada zaman dahulu nenek moyang kita kebanyakannya menggunakan bersumberikan alam semula jadi untuk menghasilkan pelbagai idea dan juga produk, begitu juga dengan reka corak batik yang

menjadi sumber inspirasi mereka. Sehingga kini flora dan juga fauna tetap menjadi inspirasi para pereka dalam menghasilkan corak batik.

Menurut Nik Yusnita (2015), batik digunakan sejak awal lagi apabila kain kapas yang bercorak itu digunakan oleh pembesar dan juga orang biasa tanpa mengira kedudukan dalam masyarakat yang berbentuk feudal. Pembesar-pembesar negeri berkemampuan untuk membuat sarung batik sutera dalam perkarangan istana, atau menempahnya daripada luar .

2.5 Pakaian Kasual



Gambar 2.5.1, 2.5.2

Contoh pakaian kasual wanita

Pada umumnya , pakaian kasual ialah pakaian yang selesa dan pakaian yang dipakai setiap hari untuk bersantai. Seterusnya, pakaian kasual merupakan pakaian yang akan anda pakai untuk keluar membeli-belah, melawat kawan dan bersiar-siar. Pakaian kasual juga biasanya berpenampilan kemas dan selesa. Pakaian kasual juga sesuai dengan mana-mana jenis fabrik untuk dijadikan pakaian kasual. Pakaian kasual ini

lebih menekankan suasana yang nyaman dan sifat peribadi seseorang itu. Pakaian kasual telah wujud sejak tahun 80-an zaman ketika dahulu.

Biasanya pakaian kasual digayakan dengan warna dan juga corak yang polos tetapi di Malaysia pakaian batik juga menjadi pakaian tema untuk majlis-majlis formal seperti kemeja. Di Malaysia sekolah biasanya guru ataupun pelajar akan memakai baju batik sebagai baju rasmi di sekolah mereka. Pakaian kasual penting bagi masyarakat untuk keselesaan (Mizuki Onuki, 2012).

2.6 Rumusan Kajian

Kajian ini membahagikan kepada tiga bahagian iaitu WA, WS dan pakaian kasual. Setiap kajian lepas daripada jurnal ataupun buku yang ditulis oleh penulis dikategorikan dalam jadual dibawah. Hal ini membuktikan bahawa pengkaji melakukan kajian lepas dengan cara yang betul untuk mendapatkan maklumat.

Penulis	WA	WS	Pakaian Kasual
1. Titiek Pujilestari, 2015		/	
2. Titiek & Irfa'ina, 2017	/	/	
3. Manurrung, 2012	/	/	
4. Suarsa, et al. 2011	/	/	
5. Purnomo, 2004	/	/	

6. Paryanto et al., 2012; Kartina et al., 2013	/	/	
7. Kartina et al., 2013	/	/	
8. Kant, 2012		/	
9. Mizuki Onuki 2012			/
10. Rymbai 2011		/	

Rajah 2.6.1 Rajah menerangkan penerangan penulis

2.7 Penutup

Dalam bab ini banyak menerangkan mengenai sejarah batik dan juga maksud bagi WA, WS, batik dan juga pakaian kasuall. Bagi meneruskan bab ini pengkaji perlu mengetahui segala sejarah dan kajian terdahulu dalam kajian ini. WA dan WS masing-masing mempunyai kelebihan yang tersendiri namun masing-masing juga mempunyai kelemahan yang tidak sama. Di dalam bahagian ini juga pengkaji menggunakan pelbagai jenis sumber sebagai contoh jurnal, buku dan juga laman web sangat membantu dalam menyelesaikan kajian ini. Penggunaan sumber berikut adalah bergantung pada konteks kajian yang di kaji. Selain itu, penggunaan sumber yang berbeza merupakan faktor yang penting supaya kajian lebih kukuh dan lebih realistik. Sokongan pendapat dari pelbagai sumber teruataamanya kajian lepas merupakan faktor penting dalam pembuatan sesuatu penyelidikan. Pelbagai maklumat penting yang diperoleh tanpa keluar ke banyak tempat untuk mencari informasi.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian adalah penting untuk penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai untuk menyelesaikan setiap permasalahan kajian. Metodologi kajian atau melibatkan teknik khusus yang digunakan dalam proses kajian adalah untuk mengumpulkan, mengorganisasi dan menilai data. Metodologi merujuk kepada alat-alat yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat yang relevan dalam kajian ini. Survei, soal selidik dan wawancara adalah antara alat kajian yang biasa dilakukan oleh pengkaji (Suhairy Norhisyam, 2019). Namun melalui kajian ini pengkaji hanya menggunakan kaedah kualitatif sahaja.

Bab ini membincangkan mengenai metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan ataupun melaksanakan kajian ini. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan data yang tepat ataupun sempurna, kaedah kajian ini juga perlulah dijalankan mengikut prosedur-prosedur yang betul. Kajian mengenai penerapan batik WA pada pakaian kasual dijalankan dengan proses yang betul dimana perbualan temubual dan kajian lapangan dilakukan di beberapa tempat. Maklumat kajian daripada sumber internet juga membantu dalam menyelesaikan kajian ini. Beberapa perkara yang disentuh oleh pengkaji di dalam bab ini adalah mengenai kajian perpustakaan, pemerhatian, temubual serta kajian lapangan.

3.1 Kaedah Metodologi

Terdapat dua kaedah seperti kaedah perpustakaan dan kaedah kajian lapangan dilakukan untuk mendapatkan informasi yang lebih terperinci mengenai batik,

warna alam (WA) dan pakaian kasual. Antara kajian yang dilakukan adalah kaedah kualitatif.

3.1.1 Kaedah Perpustakaan

3.1.1.1 Buku

Pengkaji telah membuat beberapa rujukan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dengan beberapa orang rakan yang melakukan kajian yang sama. Pelbagai bahan bacaan yang diperolehi oleh pengkaji dengan mudah dan ianya dapat membantu pengkaji mencari maklumat berkenaan kajian yang dilakukan. Informasi seperti batik WA dan juga pakaian kasual ditemukan didalam beberapa buku seperti Indonesia Indah “Batik” oleh Biratul Anas, Hasnudin, Ratna Panggabean, M. Sn. Yanyan Sumarya. Buku ini diterbitkan oleh Yayasan Harapan Kita pada tahun 1997 di Jakarta. Buku ini banyak menerangkan mengenai asal usul batik dan perkembangan batik di Indonesia. Dengan rujukan buku ini dapat menyampaikan maklumat tepat tentang kewujudan asal batik.

3.1.1.2 Jurnal

Jurnal akademik atau jurnal ilmiah mengandungi artikel yang ditulis oleh seseorang yang mahir dalam sesuatu bidang. Jurnal merujuk kepada penerbitan yang memberi sokongan untuk beberapa perkara yang boleh menjadi jurnal ilmiah atau jurnal akademik. Jurnal amat penting kerana ianya agak mudah untuk dicari melalui laman sesawang dan tidak perlu ke library untuk mencari jurnal-jurnal yang

diperlukan (Sidiqharim, 2018). Sebagai contoh jurnal yang diambil daripada laman sesawang ialah:-

1) Penerapan Teknologi Pada Kelompok Batik Warna Alam Laras Tirto Pinilih dan Batik Tlodas Temanggung

Kajian Penerapan Teknologi Pada Kelompok Batik Warna Alam Laras Tirto Pinilih dan Batik Tlodas Temanggung ini ditulis oleh Mardinawati, Ilham Sayekti dan Winarni pada tahun 2017. Jurnal ini diterbitkan oleh bahagian Jurusan Akuntansi Politeknik Negeri Samarang dan Jurusan Teknik Elektro Politeknik Negeri Samarang. Jurnal ini banyak menerangkan mengenai pelaksanaan program sains dan teknologi untuk masyarakat meningkatkan kualiti dan kuantiti sekiranya warna semula jadi produk batik, batik lukis dan batik cap.

2) Pengambilan Zat Warna Alam Dari Kayu Nangka

Pengambilan Zat Warna Alam Dari Kayu Nangka ditulis oleh Dany Eka Parasetia, Ritaningsih, Prof. Dr. Ir. Purwanto.

Kajian ini dilakukan dengan gabungan daripada Jurusan Teknik Kimia, Fakultas Teknik dan Universitas Diponegoro.

Kajian ini menerangkan mengenai pewarnaan tekstil dibagi menjadi dua iaitu pewarna alami dan pewarna sintesis. Pewarna alami berasal dari haiwan mahupun tumbuhan sedangkan pewarna sintetik dapat dihasilkan dari bahan-bahan kimia. Tanaman nangka merupakan salah satu jenis tumbuhan yang dapat dimanfaatkan

sebagai sumber zat warna alami untuk tekstil ekstrasi secara continyu dengan menggunakan metode sohlet iaitu pelarut yang digunakan bagi mencepatkan proses tanpa pembaziran masa dan tenaga. Masa yang digunakan akan lebih cepat dan metode ini menggunakan pelarut yang mudah menguap dan tahan panas. Ekstrasi yang dilakukan menggunakan pelarut air dan etanol.

3) Sumber Dan Pemanfaatan Zat Warna Alam Untuk Keperluan Industri

Sumber Dan Pemanfaatan Zat Warna Alam Untuk Keperluan Industri ditulis oleh titiek pujilestari dan diterbitkan oleh Balai Besar Kerajinan Dan Batik, JL. Kesumanegara No. 7, Yogyakarta pada tahun 2015. Jurnal ini menerangkan mengenai WA dan juga WS. Seterusnya penggunaan WS dapat menimbulkan masalah kesihatan dan lingkungan serta berpengaruh kurang baik terhadap semua bentuk kehidupan. Manakala WA bersifat tidak beracun, mudah terurai, dan ramah lingkungan.

4) Pemanfaatan Sabut Kelapa Dan Pewarna Alam Indigofera Sebagai Material Alternatif Pada Produk Kriya

Pemanfaatan Sabut Kelapa Dan Pewarna Alam Indigofera Sebagai Material Alternatif Pada Produk Kriya ditulis oleh septia Andini, Dian Widawati S.Sn., M.Sn. Jurnal ini diterbitkan oleh Program Studi Sarjana Kriya, Fakultas Seni Rupa Dan Design (FSRD) ITB.

Jurnal ini menerangkan mengenai sabut kelapa, pewarna alam indigofera, material alternatif dan produk kriya (produk seni). Sabut kelapa merupakan salah satu serat yang memiliki struktur yang kuat. Kelebihan-kelebihan yang dimiliki sabut kelapa antara lain tidak mudah membusuk dan berkulat serta tahan lama. Pewarna semula jadi sesuai digabungkan dengan sabut kelapa kerana pewarna semula jadi indigofera adalah pewarna semula jadi berkualiti tinggi yang telah lama digunakan oleh masyarakat. Untuk menggabungkan serat kelapa dan pewarna asli indigofera, penerokaan teknik tekstil dilakukan untuk mencari kaedah terbaik untuk menghasilkan bahan alternatif baru.

5) Pengaruh Zat Ekstraksi Warna Alam Dan Fiksasi Terhadap Ketahanan Luntur Warna Pada Kain Batik Katun.

Pengaruh zat ekstraksi warna alam dan fiksasi terhadap ketahanan luntur warna pada kain batik katun ditulis oleh Titiek Pujilestari pada tahun 2014 dan diterbitkan oleh Balai Besar Kerajinan Dan Batik, JL.Kusumanegara No.7 Yogyakarta Indonesia.

3.1.1.3 Artikel

Artikel yang ditulis untuk jurnal disemak atau dinilai oleh pasukan pengulas sebelum memasuki jadual editorial jurnal. Penyemak artikel jurnal biasanya lebih dari satu orang yang pakar dalam bidang pengajian tertentu mengikut topik yang ditulis dalam artikel (Sidiqharim, 2018). Pengkaji mencari maklumat artikel menerusi laman

sesawang kerana ianya lebih mudah dan pantas dengan hanya di hujung jari.

3.1.1.4 Akhbar

Akhbar merupakan berita-berita yang ditulis dan dicetak oleh penulis-penulis berita. Terdapat banyak akhbar mengenai batik yang boleh didapati di laman sesawang. Surat khabar pada zaman sekarang susah untuk diperolehi kerana masyarakat sekarang kebanyakannya membaca akhbar melalui *online*. Oleh kerana kurang mendapat sambutan daripada masyarakat surat khabar sudah tidak banyak diterbitkan oleh syarikat-syarikat akhbar.

Sebagai contoh maklumat akhbar yang diproleh oleh pengkaji adalah batik warna alam Universiti Malaysia Kelantan yang telah raih jualan lebih RM400,000 sempena fiesta batik pada tahun 2016. Akhbar ini diterbitkan secara online adalah Syarikat Berita Harian pada masa tersebut. Akhbar tersebut berkata :

“ dua syarikat milik mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan yang berasaskan batik berjaya diwujudkan sepanjang program itu, iaitu Syarikat Qarya Art Atudio dan Warni Aurora dibawah syarikat Futurizz Venture”

Hal ini membuktikan bahawa batik di malaysai semakin diminati oleh para pembeli. Batik menjadi trend fashion terkini dengan corak dan juga motif batik yang telah banyak diubah mengikut kehendak pelanggan.

3.1.1.5 Laman sesawang

Laman sesawang merupakan tempat mencari maklumat yang paling penting kerana ianya sangat membantu dalam mengumpul maklumat

penting yang sangat mudah seperti yang dinyatakan oleh Meriam Webster iaitu:

“...a group of world wide web pages usually containing hyperlinks to each other and made available online by an individual, company, educational institution, government or organization”

Laman sesawang atau laman web semakin mudah diakses dengan kemajuan yang semakin mudah untuk diakses. Dengan adanya laman sesawang, pengkaji boleh mengakses apa sahaja maklumat yang dicari terutama dalam mencari maklumat kajian yang dijalankan.

3.1.2 Kaedah Lawatan

3.1.2.1 Lawatan

kajian lapangan dilakukan di beberapa tempat antaranya ialah di tempat pembuatan batik lukis dan batik siap. Lawatan ke tempat pengusaha batik iaitu di Dato Sanusi Batik yang berlokasi di Kampung Kor Batu, Kota Bharu Kelantan. Pemilik pengusaha batik tersebut juga memnunjukkan kedai batik beliau yang bertempat tidak jauh daripada tempat beliau membuat batik Dato sanusi juga menunjukkan batik beliau yang bernama Butik Emma Sahira yang dinamakan nama anak perempuan beliau. Butik Emma Sahira memnjual serta mempamerkan batik-batik yang telah siap dijahit juga kain batik yang belum siap dijahit.

Kajian lapangan membantu pengkaji mendapatkan maklumat mengenai batik, WA dan juga pakaian kasual. Terdapat banyak juga pakaian kasual yang siap jahit di butik beliau seperti kemeja dan baju

kuruung. Kemeja dan baju kurung merupakan pakaian kasual di Malaysia.

3.1.2.2 Temubual

Temubual merupakan perbualan antara pengkaji dengan subjek kajian bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Melalui temubual, data diperoleh daripada pemerhatian dapat diperkukuhkan dan diperlengkapkan (Fadzila, 2016). Antara temubual yang dilakukan adalah temubual dengan pengusaha batik iaitu Dato Mohd Sanusi. Beliau menceritakan serba sedikit mengenai perjalanan batik yang beliau usahakan. Beliau juga memberi maklumat bagaimana proses untuk membuat batik dilakukan. Temubual dilakukan di rumah beliau dimana juga merupakan tempat beliau mengusahakan batik.

Temubual yang dilakukan bersama Dato Mohd Sanusi sangat membantu pengkaji dalam mengumpul maklumat yang dikaji. Beliau memberikan kerjasama yang baik dengan memberikan ilmu dan pandangan yang beliau ajukan dan dalam masa yang sama dapat memberikan semangat kepada pengkaji untuk terus membuat kajian dan memperbanyakkan ilmu mengenai batik. Selain itu, beliau juga menerangkan mengenai penerapan batik pada pakaian yang dipakai tidak mengira umur dan juga jantina. Batik semakin diminati pada masa sekarang dan pembeli-pembeli batik sentiasa dahagakan design-design yang terbaru untuk dipakai oleh pembeli.

Seterusnya temubual di syarikat Citra Fajar Enterprise (KT0245805) Lot 139, Jalan Tok Janggut, Pasir Pekan, Wakaf Bharu,

16200 Tumpat, Kelantan. Temubual dilakukan bersama pemilik syarikat yang bernama Nasir Bin Abdul Kadir. Beliau

3.1.2.3 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kajian atau penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mangumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik atau temuduga. Peranan pengkaji adalah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh ataupun dari dekat. Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di beberapa lokasi dan juga temubual yang dilakukan sebelumnya.

3.1.2.4 Design Department

Design department adalah proses dalam menyiapkan design batik pada pakaian kasual. Motif dipilih terlebih dahulu kemudian motif tersebut dikembangkan menjadi design yang telah siap.


Langkah yang kedua adalah design pakaian kasual dilakar iaitu dua pakain lelaki dan dua pakaian wanita. Langkah yang seterusnya adalah design yang telah siap akan diletakkan dan susun pada pakaian.

3.1.2.5 Bengkel Jahitan

Setelah melakukan beberapa proses seperti memilih motif , mereka corak, memilih fabrik yang sesuai dan mencanting batik. Kain pasang

batik yang telah siap diwarnakan akan dihantar kepada tukang jahit beserta design yang telah direka. Hal ini akan memudahkan urusan pengkaji kerana proses menjahit memerlukan tenaga yang betul-betul mahir dalam bidang jahitan demi mendapatkan hasil yang pengkaji mahukan. Proses terakhir adalah menjahit menjadikan ianya produk yang telah siap. Tukang jahit juga dipilih oleh pengkaji kerana pengkaji sangat menitik beratkan proses ini.

3.2 Diagram proses kajian



3.3 Penutup

Bab ini menerangkan mengenai proses dan cara pengkaji melakukan tugas yang dijalankan. Pelbagai cara pengkaji demi mencari maklumat yang betul dan tepat bagi menjalankan kajian ini. Daripada proses temubual, kajian lapangan, laman sesawang dan lain-lain adalah tidak mudah. Kekangan waktu dan juga dan lokasi yang jauh juga mencabar pengkaji dalam mencari informasi kajian. Namun ianya dapat diperolehi walaupun sukar, kerana tanpa maklumat yang betul pengkaji tidak dapat meneruskan kajian ini dengan lancar.

BAB 4

PROSES / ANALISIS KAJIAN DAN KEUSAHAWANAN

4.0 PENGENALAN

Di dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan secara terperinci berkaitan proses-proses penghasilan projek akhir yang telah dilakukan. Berdasarkan tajuk kajian iaitu penerapan warna alam dilakukan secara berperingkat iaitu menentukan konsep rekaan, perkembangan idea reka corak motif dan pemilihan material, proses pemilihan warna dan proses pembuatan produk.

Pengkaji telah memilih untuk menghasilkan produk kain batik yang bersumberkan daripada bahan semulajadi. Bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan warna dibeli dan juga dikutip di sekitar rumah sahaja. Bahan alam yang mudah diperolehi memudahkan pengkaji untuk melakukan proses pembuatan batik. Eksperimen dijalankan secara berperingkat dan teratur mengikut proses yang telah ditetapkan. Setiap pemilihan konsep dan pemilihan motif dalam menghasilkan produk amat penting untuk mencapai objektif yang dikaji.

4.1 Menentukan Konsep Rekaan

Pemilihan konsep rekaan amat penting dalam setiap proses pembinaan projek yang hendak dilakukan perlu membuat perancangan awal. Ia untuk memastikan tidak berlakunya sebarang masalah semasa kerja-kerja sesuatu projek dan juga bagi mengelakkan sebarang kerugian atau kerosakan. Setiap sesuatu rekaan perlukan perancangan yang begitu teliti tidak kira perancangan projek itu kecil atau besar namun pada awal-awal pembuatan perlu dirancang dengan betul supaya tidak berlakunya sebarang masalah pada masa melakukan proses yang seterusnya.

Pengkaji telah memilih untuk menghasilkan dua rekaan lengkap busana perempuan kasual. Kedua busana ini direka terlebih dahulu sebelum mencelup warna alam. Pakaian busana ini direka untuk mencapai objekti yang dikaji serta pakain ini juga akan dihantar kepada tukang jahit sebagai proses akhir. Pengkaji memilih busana perempuan kerana kebanyakan batik amat popular dalam kalangan kaum hawa. Pakain batik pada zaman moden telah banyak berubah mengikut trend semasa. Biasanya batik hanya khusus pada pakaian tradisional tetapi kini industri batik telah meluas ke seluruh pelusuk dunia. Reka bentuk pakaian juga telah dimodenkan mengikut citarasa terkini.

4.1.1 Penyataan Rekaan

Dalam penghasilan produk batik pemilihan motif adalah perkara yang utama. Motif dijadikan sebagai panduan bagi menentukan corak untuk memudahkan pembatik membuat corak menggunakan motif yang diinginkan. Motif batik tempatan kebiasaanya berdasarkan flora dan juga fauna. Oleh itu, pengkaji memberikan kelainan dalam pemilihan motif iaitu memilih buah oren sebagai motif utama dan daun *ceropegia woodii* sebagai motif kedua. Kedua-dua motif ini akan digabungkan menjadi satu design yang lengkap untuk produk batik.

Penggunaan warna adalah terhad kerana menggunakan warna yang bersumberkan bahan alam semulajadi. Warna yang menggunakan bahan semulajadi tidak akan memberikan warna yang banyak dan juga warna yang tidak tetap seperti warna sintetik.

4.2 Perkembangan Idea dan Proses Akhir

I. Pemilihan motif



Gambar 4.2.1

Gambar buah oren yang digunakan oleh pengkaji

Buah oren dipilih sebagai motif utama bagi pembangunan idea rekacorak. Buah oren atau nama saintifiknya adalah *citrus x sinensis* mempunyai pelbagai kasiat dan juga manfaat. Motif ini dipilih kerana ingin memberikan kelainan dalam rekacorak batik. Selain itu buah oren juga mempunyai bentuk, warna dan tekstur yang menarik.




Gambar 4.2.2

Gambar daun castegia woodii yang digunakan oleh pengkaji


Pemilihan motif kedua adalah daun *castegia moodii*. String of Hearts (*Ceropegia woodii*) adalah tanaman berbunga dalam genus *Ceropegia* (*Apocynaceae*), yang berasal dari Afrika Selatan, Swaziland, dan Zimbabwe. Dedaunan berbentuk hati yang halus dan anggur yang langsing dapat mencapai panjang hingga 12 'di persekitaran semula jadi, dan telah memperoleh banyak nama panggilan tanaman ini, termasuk Rosary Vine dan Sweetheart Vine.

II. Lakaran motif

Lakaran motif dilakukan melalui beberapa proses iaitu lakaran motif buah oren dan lakaran motif daun *castegia woodii*. Lima lakaran yang berbeza dilakukan untuk mengenalpasti lebih lanjut setiap detail yang ada pada kedua-dua motif ini.




Gambar 4.2.3
Lakaran motif 1




Gambar 4.

2.4 Lakaran motif 2



Gambar 4.2.5

Lakaran motif 3



Gambar 4.2.6

Lakaran motif 4



Gambar 4.2.7

Lakaran motif 5




Gambar 4.2.8

Lakaran motif 6




Gambar 4.2.9

Lakaran motif 7




Gambar 4.2.10

Lakaran motif 8



Gambar 4.2.11

Lakaran motif 9



Gambar 4.2.13

Lakaran motif 10



Gambar 4.2.14

Lakaran motif 11




Gambar 4.2.15

Lakaran motif 12

III. Lakaran pembangunan idea design

Setiap perincian yang terdapat pada kedua motif yang dipilih iaitu buah oren dan juga daun *castegia woodii* tersebut digabungkan untuk dijadikan sebagai pembangunan idea. Setelah itu kedua motif tersebut direka menjadi design yang lengkap. Beberapa pattern akan memainkan peranan penting seperti pattern ogee, random dan sebagainya dalam pembangunan idea kerana dapat memudahkan perletakan motif dan juga perletakan design keatas fabrik. Berikut merupakan beberapa lakaran idea pembangunan yang akan diterapkan pada produk akhir.



Gambar 4.2.16

Lakaran pembangunan idea 1



Gambar 4.2.17

Lakaran pembangunan idea 2



Gambar 4.2.18

Lakaran pembangunan idea 3



Gambar 4.2.19

Lakaran pembangunan idea 4



Gambar 4.2.20

Lakaran pembangunan idea 4

IV. Lakaran reka corak yang dipilih untuk di aplikasikan dalam bentuk produk akhir



Gambar 4.2.21

Rujukan gambar daripada internet untuk rekaan baju 1



Gambar 4.2.22

Perkembangan idea pakaian wanita 1



Gambar 4.4.23

Perkembangan idea pakaian wanita 2




Gambar 4.2.24

Perkembangan idea serta rekacorak pakaian wanita 3



Gambar 4.4.25

Perkembangan idea serta rekacorak pakaian wanita 4



Gambar 4.2.25

Lakaran serta rekacorak pakaian wanita untuk produk akhir



Gambar 4.4.26

Lakaran warna produk akhir



Gambar 4.2.27

Rujukan gambar daripada internet untuk rekaan baju 2



Gambar 4.2.28

Perkembangan idea serta rekacorak pakaian wanita 1



Gambar 4.4.29

Perkembangan idea serta rekacorak pakaian wanita 2




Gambar 4.2.30

Perkembangan idea serta rekacorak pakaian wanita 3



Gambar 4.4.31

Perkembangan idea serta rekacorak pakaian wanita 4



Gambar 4.2.32

Lakaran reka corak produk akhir 2



Gambar 4.2.33

Lakaran warna produk akhir 2

4.3 Proses Pemilihan Warna

Warna amat dalam dalam sesebuah rekaan batik. Pengkaji menggunakan WA iaitu bahan yang bersumberkan bahan semulajadi dan kemudiannya diproses sehingga dapat mengeluarkan warna untuk dicelup dengan kain. Pengkaji menggunakan WA kerana ianya amat unik dan ingin memberikan kelainan dalam penggunaan warna. Tambahan pula WA yang digunakan adalah bersifat tidak beracun serta dapat memberikan banyak manfaat kepada pengguna dan juga ramah kepada persekitaran. Bahan untuk memproses warna tidaklah begitu susah untuk diperolehi kerana ia boleh didapati disekitar rumah sahaja. Namun pemprosesan WA agak rumit serta mengambil masa yang agak lama untuk memyiapkan produk.

Bagi menyiapkan produk WA pengkaji telah memilih untuk menggunakan tiga warna yang bersumberkan bahan semulajadi. Antara salah satunya adalah iaitu kunyit atau nama saintifiknya adalah *Curcuma domestica Val.* Kunyit adalah bahan

yang mudah didapati kerana ianya merupakan bahan yang digunakan oleh masyarakat sekeliling sebagai masakan dan juga ubat-ubatan. Dengan penggunaan kunyit ianya mampu menghasilkan warna kuning lembut pada fabrik. Dengan celupan yang berganda ianya mampu menghasilkan warna kuning yang terang.

Bahan pewarna yang kedua adalah daun manggis atau nama saintifiknya *Garcinia Mangostana L.* Buah manggis merupakan buah tempatan yang agak popular di Malaysia dan buah manggis juga berbuah mengikut musim sahaja. Namun yang digunakan oleh pengkaji adalah daunnya sebagai sebagai proses pencelupan WA pada pakaian kasual. Daun manggis dapat mengeluarkan warna kearah coklat muda dan sekiranya ianya dilakukan dengan celupan berganda mampu menjadikan warna pada fabrik menjadi coklat terang.

Seterusnya bahan WA ketiga yang digunakan adalah daun senduduk atau nama saintifiknya dikenali sebagai *Melastoma Malabriticum*. Daun senduduk merupakan tumbuhan liar yang ada di merata tempat di Malaysia. Daun ini mudah untuk didapati kerana ianya juga digunakan oleh masyarakat sebagai ubat-ubatan luka dalaman dan juga luaran. Dengan penggunaan daun senduduk ianya dapat mengeluarkan warna kuning cair kearah kehijauan.

4.4 Proses Pembuatan Produk Akhir

Proses rekaan produk akhir terbahagi kepada dua bahagian khusus iaitu proses rekaan untuk busana pakaian wanita dan master design. Walaubagaimanapun, perjalanan proses penghasilannya adalah sama cuma yang berbeza hanyalah rekacorak serta produk yang terhasil, maka pengkaji hanya menerangkan satu sahaja proses penghasilan produk dari tiga jenis produk yang

telah di hasilkan. Berikut merupakan gambaran perjalanan proses rekaan akhir tersebut.

i. Langkah Satu (1) : Melukis Pola

Langkah pertama adalah melukis pola pada kertas terlebih dahulu. Proses menggunakan pola ini dilakukan agar dapat memudahkan proses untuk melukis perletakan reka corak pada fabrik.



Gambar 4.4.1, 4.4.2

Gambar lakaran pola keatas kertas

ii. Langkah dua (2) : Memasuh Kain putih atau proses modarting

Proses modarting merupakan proses membasuh kain untuk membuang kotoran yang ada pada kain. Hal ini dilakukan agar memudahkan proses pencelupan warna pada fabrik. Sekiranya kain tidak dibasuh sebelum proses pencelupan warna dilakukan ekstrasi warna pada kain tidak menyerap sepenuhnya dan menjadikan warna pada kain tidak sekata.



Gambar 4.4.3, 4.4.4

Gambar lakaran pola keatas kertas



iii. Langkah tiga (3) : Proses Menekap rekaan corak ke atas kertas

Langkah ketiga yang dilakukan ialah reka corak yang telah dibuat akan dilukiskan pola keatas kertas dan seterusnya diikuti dengan perletakaan reka corak padanya. Hal ini bertujuan bagi memudahkan proses menekap reka corak pada kain.



Gambar 4.4.5, 4.4.6

Lakaran corak pada pola kertas untuk rekaan baju pertama



Gambar 4.4.7, 4.4.8

Lakaran corak pada pola kertas untuk rekaan baju kedua

iv. Langkah empat (4):: Proses menepak rekaan corak pada kain

Langkah keempat adalah kain dihampar di atas kertas yang telah siap direka corak. Kain tersebut akan di lekatkan menggunakan jarum terlebih dahulu supaya kain tidak bergerak semasa proses menepak dilakukan. hal ini bagi memudahkan dan mempercepatkan proses menepak kerana ianya mengambil masa yang agak lama dan perlu dilakukan dengan terperinci agar corak yang ditekap pada kain sama seperti corak pada pola yang telah direka.



Gambar 4.4.9, 4.4.10

Gambar menunjukkan kain dihamper dan dilekatkan menggunakan jarum pada kertas dan juga kain.

v. **Langkah lima (5): Proses ‘tracing’ rekaan corak pada kain**



Gambar 4.4.11, 4.4.12

Lakaran rekaan corak pada kain

Langkah kelima adalah kain yang telah dilekatkan menggunakan jarum akan ditekap menggunakan cermin. Hal ini bertujuan agar memudahkan proses menekap dilakukan. Proses ini mengambil masa yang agak lama kerana setiap rekaan corak perlu ditekap satu persatu agar memudahkan proses mencanting dilakukan.

vi. Langkah enam (6): Proses mencanting

Setelah selesai proses pemindahan design ke atas permukaan fabrik, proses seterusnya merupakan proses mencanting. Untuk keseluruhan projek yang di buat, pengkaji menggunakan canting saiz 1.




Gambar 4.4.13, 4.4.14

Gambar menunjukkan pengkaji sedang mencanting

vii. Langkah tujuh (7) : Proses penghasilan warna

Langkah keenam adalah proses memotong bahan untuk dijadikan bahan pewarna. Proses ini merupakan proses yang pertama untuk pencelupan warna pada fabrik. Bahan tersebut akan dipotong sehingga menjadi potongan kecil agar dapat menghasilkan warna yang lebih terang.

Bahan	Kuantiti Bahan	Kuantiti Air
Kunyit	2 Kilogram	14 liter
Daun Manggis	2 Kilogram	14 liter
Daun Senduduk	2 Kilogram	14 liter



Gambar 4.4.15, 4.4.16, 4.4.17, 4.4.18

Gambar menunjukkan pengkaji sedang memotong bahan alam

viii. Langkah lapan (8): Proses merebus warna

Selepas proses memotong bahan warna dilakukan, bahan tersebut akan diletakkan kedalam periuk besar untuk proses merebus. Air yang digunakan untuk proses merebus adalah tujuh (7) liter air untuk satu kilo bahan WA bersamaan 7:1. Kunyit akan direbus selama lapan jam dan air yang direbus separuh kering agar dapat mengeluarkan warna yang lebih terang. Proses ini perlu sentiasa diperhatikan agar air tidak terlalu kering dan hal ini akan menyebabkan kurangnya air dan menyukarkan proses pencelupan dilakukan.



Gambar 4.4.17, 4.4.18

Gambar menunjukkan kunyit yang telah dipotong akan direbus

ix. Langkah sembilan (9) : Proses Sejukkan Warna

Setelah selesai proses mengekstrak bahan pewarna alam, warna akan dibiarkan seketika agar warna menjadi sejuk dan tidak panas. hal ini bertujuan apabila kain yang dicelup tidak merosakkan lilin kerana air yang panas akan menyebabkan lilin menjadi rosak.



Gambar 4.4.19

Gambar menunjukkan warna disejukkan sebelum proses mencelup

x. Langkah Sepuluh (10): Proses mencelup

Setelah larutan warna alam tersebut di rehatkan sehingga suhu berada ke paras normal. Seterusnya, proses pencelupan di buat. Untuk nisbah pencelupan antara warna dan pengunci warna adalah dengan nisbah tiga (3) kali celupan warna dan satu (1) kali celupan pengunci warna.





Gambar 4.4.20, 4.4.21

Gambar menunjukkan pengkaji melakukan proses pencelupan warna

xi. Langkah sebelas (11): Proses menutup warna (lock)

Proses pencelupan warna di buat bergantung pada tahap warna yang di perlukan oleh pengkaji. Sekiranya sudah mencapai warna yang di perlukan dan kain akan dicuci atau di bersihkan dengan baik dan seterusnya kain di rehatkan selama sehari supaya kondisi kain berada dalam keadaan yang kering sepenuhnya sebelum proses menutup di buat. Proses menutup merupakan proses untuk mengekalkan warna pada rekacorak yang di perlukan sebelum membuat pencelupan warna yang seterusnya.

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 4.4.22, 4.4.23

Gambar menunjukkan proses menutup atau 'lock' warna menggunakan lilin.

xii. Langkah dua belas (12): Proses menjemur

Langkah yang kesebelas adalah kain yang telah dimatikan warna akan dibasuh dan dijemur terlebih dahulu agar bahan pematikan tidak terlekat pada kain yang telah dicelup warna



Gambar 4.4.24, 4.4.25

Gambar menunjukkan proses menjemur selepas proses pencelupan

xiii. Langkah tiga belas (13): Proses silikat

Langkah seterusnya untuk proses pencelupan warna dan proses menutup atau memopok di buat secara berulang bergantung pada berapa warna yang di gunakan oleh pengkaji untuk sesuatu reka corak produk. Setelah selesai semua proses pencelupan, proses seterusnya adalah proses melepaskan lilin. Berikut merupakan gambaran bagaimana proses melepaskan lilin di buat. Fabrik yang telah selesai di rendam ke dalam larutan air yang di campur dengan silikat (water glass). Silikat di masukkan ke dalam air sehingga larutan air tersebut menjadi licin. Fabrik di masukkan ke dalam air sehingga lilin berubah warna menjadi putih. Proses rendaman ini di buat adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses pelepasan lilin semasa di rebus.



Gambar 4.4.26

Gambar menunjukkan proses mencelup silikat

xiv. Langkah empat belas (14): Proses merebus

Setelah lilin berubah menjadi keputihan, kain di masukkan ke dalam larutan air panas yang bersuhu 70 hingga 80 darjah celcius. Suhu tersebut merupakan suhu terbaik untuk lilin tertanggal dari permukaan fabrik. Semasa proses rebusan di buat, kain di rendamkan seketika ke dalam air panas sehingga lilin mula timbul ke permukaan air dan seterusnya kain di angkat-angkat berulang kali sehingga lilin bersih dari permukaan fabrik.



Gambar 4.4.27

Gambar menunjukkan proses merebus kain kedalam air rebusan

xv. Langkah lima belas (15): Proses membasuh

Setelah itu, fabrik di masukkan ke dalam air bersuhu biasa untuk proses pembersihan lilin secara menyeluruh. Proses pelepasan lilin menggunakan air panas yang terlalu lama boleh menyebabkan kelunturan warna yang maksimum. Jadi, untuk mengelakkan berlaku kelunturan warna, proses

melepaskan lilin di sambung dnegan pembersihan menggunakan air bersuhu biasa.



Gambar 4.4.28

Gambar menunjukkan proses membasuh kain kedalam air bersih bagi menanggalkan kotoran dan bahan pemat

xvi. Langkah enam belas (16): Produk akhir

Seterusnya, setelah melalui segala proses melakukan batik WA adalah penghasilan produk akhir. Bahagian terakhir adalah kain yang telah siap akan dihantar kepada tukang jahit untuk dijadikan sebagai produk siap.

Berikut merupakan beberapa contoh produk yang telah siap. Akhir sekali produk yang telah siap akan dilakukan illustration menggunakan aplikasi agar menampakkan pakaian ini lebih eksklusif.



Gambar 4.4.29

Gambar keseluruhan produk siap iaitu batik warna alam pakaian kasual wanita



Gambar 4.4.30

Gambar batik warna alam pakaian kasual wanita



Gambar 4.4.31

Gambar batik warna alam pakaian kasual wanita

xvii. Langkah tujuh belas (17): Proses fesyen illustration



Gambar 4.4.32, 4.4.33

Gambar illustration pakaian kasual wanita

BAB 5

SARANAN DAN PENUTUP

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan diterangkan secara terperinci mengenai analisis data yang telah dilakukan dan hasil dapatan kajian yang diperolehi sepanjang proses kajian yang dijalankan. Kajian ini telah dianalisis dengan berteraskan sumber primer sahaja iaitu pengkaji menggunakan kaedah metodologi secara temubual, pemerhatian dan kaedah eksperimentasi untuk mendapatkan hasil dapatan kajian. Hasil dapatan kajian yang dikemukakan dalam bab ini adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian iaitu penerapan warna alam pada pakaian kasual.

Pakaian kasual yang menggunakan bahan warna alam amat sesuai digunakan kerana WA bersumberkan abahan semulajadi dan semestinya tidak menggunakan bahan kimia semasa proses pewarnaan. Hal ini seharusnya dikekalkan dan amat menggalakkan pengguna diluar sana agar menggunakan bahan pewarnaan alam yang selamat digunakan. WA juga menghasilkan warna yang menarik, mengikut trend dan memberikan kelainan warna yang tidak ada pada WS.

Batik canting juga memberikan impak yang amat menarik dan memberikan kelainan daripada menggunakan batik cap atau silkcreen. Bantik canting adalah bebas dan memerlukan penelitian yang terperinci.

5.1 Analisis data

5.1.1 Kaedah Temubual

Antara kaedah analisis yang dilakukan adalah kaedah temubual dengan beberapa orang yang pakar dalam bidang batik. Temubual adalah untuk

mendapatkan maklumat-maklumat penting mengenai kajian yang dijalankan. Sebagai contoh, hasil temubual mendapati untuk mendapatkan bahan warna alam tidaklah begitu susah, antaranya ialah daun sendudut yang hanya boleh didapati di sekitar rumah sahaja. Dalam erti kata lain, pengkaji akan melihat sama ada rumus yang di keluarkan oleh responden boleh di gunakan sebagai hipotesis ataupun sebaliknya. Oleh sebab itu, kaedah eksperimentasi amat penting di dalam kajian penyelidikan ini supaya kesahihan sesuatu hipotesis dapat di kenal pasti. Temubual dijalankan bersama En Mohd Nasir Bin Abdul Kadir yang merupakan pemilik syarikat Citra Fajar.



Gambar 5.2:

En. Mohd Nasir bin Abdul Kadir

Pemilik dan Pengurus Citra Fajar Enterprise

Beliau banyak menerangkan mengenai bahan warna alam yang pelbagai dan dapat menghasilkan warna untuk proses celupan warna. Beliau menerangkan bahawa daun manggis dapat mengeluarkan warna kearah yang lebih gelap.

5.1.2. Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis data berdasarkan kajian yang telah dilakukan. pengkaji melakukan analisis penerapan WA pada pakaian kasual dan pembuatan illustration produk yang telah siap. Pengkaji mengfokuskan kajian terhadap kesan pencelupan WA pada fabrik. Hal ini juga akan menunjukkan hasil warna yang dihasilkan pada fabrik tersebut. Selain itu, pengkaji juga akan melihat kesan WA yang digunakan bertindakbalas dengan bahan pemat yang dipilih iaitu kapur dan ion sulfat. Hasil daripada pemerhatian dicatat bagi menghasilkan data yang kukuh serta maklumat yang lebih tepat.

5.1.3. Kaedah Eksperimentasi

Kaedah eksperimentasi merupakan kaedah yang cara yang dilakukan oleh pengkaji untuk mencapai objektif yang dilakukan dan untuk menidentifikasi jawapan berkaitan permasalahan serta objektif kajian yang ingin dirungkai. Kaedah ini dilakukan daripada satu peringkat ke satu peringkat sehingga memperoleh jawapan yang ingin dicapai. Eksperimen penerapan WA dilakukan melalui proses pencarian bahan, proses merebus bahan, mencanting dan seterusnya sehingga menjadikan kain yang telah siap diekstrak WA. Daripada proses yang dilakukan memberikan jawapan serta pengalaman baru kepada pengkaji agar dapat meningkatkan lagi kualiti penerapan WA pada pakaian kasual. Oleh itu, kaedah eksperimentasi sangat penting bagi mencapai objektif yang dikaji.

5.2 Hasil / Dapatan Kajian

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan satu persatu hasil daripada dapatan kajian yang dilakukan daripada awal bab sehingga akhir.

Objektif kajian yang dibuat adalah seperti berikut:

- 1) Menghasilkan produk batik daripada warna alam

Batik warna alam telah muncul sejak berkurun lama sebelum munculnya warna sintetik. Antara warna alam yang digunakan adalah kunyit daun sendudut dan daun manggis. Untuk menghasilkan WA perlu melalui proses merebus dahulu bagi mengekstrak warna alam. Seterusnya WA dilakukan dengan proses pencelupan yang berganda agar warna kain akan kelihatan terang.

- 2) Produk siap ini dihantar untuk dijahit dengan tukang jahit yang mahir mengikut design yang telah ditetapkan.

Setiap satu produk yang telah siap akan dihantar kepada tukang jahit untuk dijahit mengikut design yang telah direka. Penerangan yang jelas kepada tukang jahit serta pemilihan tukang jahit amat penting kerana ianya boleh menjejaskan design yang telah direka.


- 3) Menghasilkan ilustrasi fesyen, iaitu pakaian kasual wanita

Ilustrasi yang dilakukan adalah menggunakan aplikasi 'Medibang Paint'. Aplikasi ini digunakan kerana ianya mudah dan proses 'tracing' juga tidak begitu lama. Warna pada ilustrasi yang juga ditiru berdasarkan produk sebenar yang telah siap.

5.3 Keputusan Dan Justifikasi

5.3.1 Menghasilkan warna ekstrasi yang tua dan tidak pudar

Pada persoalan kajian yang dikemukakan adalah ingin mengenalpasti sebab utama yang menyebabkan warna pada kain menjadi luntur. Warna alam memerlukan proses yang lama dengan celupan warna berganda bagi mendapatkan warna yang gelap. Proses celupan harus dilakukan dengan proses yang telah dan juga proses celupan yang banyak agar dapat menjadikan warna yang terang. Warna alam juga memainkan peranan sekiranya menggunakan warna seperti kunyit hanya akan menghasilkan warna yang tidak terang seperti daun manggis yang mengeluarkan warna yang agak gelap iaitu koko gelap dan juga daun sendudut yang mengeluarkan warna kuning kehijauan.



c

Gambar 5.3.1


Gambar menunjukkan perbezaan warna dan pudar

5.3.2 Perbezaan yang terhasil semasa proses silikat dan proses menanggalkan lilin.

Proses merendam silikat dilakukan sebelum proses merebus untuk menanggalkan lilin. Salah satu sebab mengapa proses silikat menyebabkan warna berbeza daripada warna asal adalah akibat daripada cara mencelup silikat tidak tepat. Sebagai contohnya, akibat daripada proses pencelupan kain kedalam silikat tidak terkena sepenuhnya pada kain menyebabkan kain menjadi tidak sekata. Hal ini berlaku akibat daripada oksigen yang masih pada kain masih ada dan silikat tidak terlekat sepenuhnya pada kain.

Selain itu hasil kajian yang dilakukan mendapati bahawa apabila proses merebus untuk menanggalkan lilin dilakukan akan menyebabkan penurunan warna yang banyak daripada warna asal. Warna yang terhasil sebelum berlaku proses melepaskan lilin lebih tua berbanding selepas proses merebus dilakukan. Faktor utama penurunan warna berlaku adalah disebabkan oleh teknik pencelupan tidak tepat. Antaranya ialah, kain yang dicelup tidak tenggelam penuh ke dalam larutan warna semasa proses pencelupan dilakukan.

Seterusnya, bagi mengurangkan warna banyak luntur semasa proses merebus dilakukan adalah dengan melakukan proses pencelupan warna yang bergandandan juga proses mencelup warna yang lebih terang seperti daun manggis. Pengkaji mendapati bahawa dengan menggunakan pencelupan warna kunyit banyak melunturkan warna semasa proses merebus dilakukan.



Gambar 5.3.2

Gambar menunjukkan perbezaan kain tanpa silikat dan merebus (kiri) dan kain yang telah melalui proses silikat dan juga merebus (kanan)

5.3.3 Cara untuk menghasilkan warna alam yang rata pada permukaan kain

Seterusnya adalah ulasan mengenai penghasilan warna yang rata dan sekata pada permukaan kain batik menggunakan ekstrak warna alam. Hal ini telah disebut oleh pengkaji pada awal kajian bahawa warna alam akan mengalami masalah warna yang tidak sekata pada permukaan kain. Eksperimen yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa untuk mendapatkan warna yang sekata memerlukan proses yang tepat. Sebagai contohnya, untuk mencelup kain yang berukuran dua meter kuantiti air yang diperlukan semasa merebus warna adalah 7 liter atau lebih bagi 1 kilo bahan alam. Selain itu, masalah warna yang tidak sekata juga berlaku apabila kuantiti warna yang sedikit dalam bekas mengakibatkan kain tidak mengenai warna dan juga tenggelam didalam larutan warna sepebuhnya.



Gambar 5.3.3

Gambar menunjukkan perbezaan warna kain yang sekata (kiri) dan tidak sekata (kanan)

5.4 Strategi pemasaran (keusahawanan)

Strategi pemasaran merupakan usaha memasarkan produk, sama ada barangan atau perkhidmatan menggunakan corak rancangan dan taktik tertentu supaya jumlah jualan menjadi lebih tinggi. Hal ini bertujuan untuk memasarkan produk batik WA keperingkat global. Selain itu, secara khususnya ia juga adalah untuk menjadikan produk batik warna alam setanding di pasaran semasa. Sebagai yang sedia maklum oleh pengkaji, produk batik warna alam yang berada di pasaran amat sedikit kuantitinya kerana di sebabkan oleh beberapa faktor antaranya adalah bilangan pengusaha batik warna alam yang sedikit. Di dalam strategi pemasaran terdapat empat (4) perkara asas yang di perlukan oleh sesuatu perusahaan untuk mempengaruhi permintaan terhadap sesuatu produk. Antaranya ialah produk, harga, kawasan/lokasi dan promosi.

5.4.1 Produk perkhidmatan

Produk adalah barang ketara yang diletak di pasaran untuk pemerolehan, perhatian, atau penggunaan sementara perkhidmatan adalah barang tidak berwujud, yang timbul dari output satu atau lebih individu. Produk merupakan elemen utama di dalam strategi pemasaran. Ia melibatkan kombinasi produk serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesuatu perusahaan kepada pasaran. Ia juga meliputi berkaitan kekemasan, kualiti, feature dan keunikan yang bakal menjadi penanda aras kepada pembeli. Produk yang ditawarkan oleh pengkaji adalah produk batik yang dihasilkan menggunakan bahan semulajadi iaitu bahan WA. Pakaian kasual dilakukan dengan menggunakan bahan WA disertakan dengan rekacorak dan rekaan pakaian kasual yang mengikut trend semasa.

5.4.2 Lokasi

Lokasi berfungsi untuk kegiatan perusahaan membuat produk mahupun jualan kepada sasaran pelanggan. Ia juga termasuk dengan penghantaran dan logistik. Secara umumnya, lokasi merupakan faktor penting di dalam strategi pemasaran supaya produk yang ingin dijual berada di dalam kawasan yang sesuai untuk dipasarkan. Lokasi penjualan yang strategik amat penting untuk menarik pelanggan agar lebih mengenali produk batik WA. Tambahan pula produk batik WA di pasaran dalam negara Malaysia masih belum mendapat tempat dihati masyarakat maka dengan pendedahan membuka kedai batik warna alam di pelusuk negara akan menjadikan batik WA lebih dikenali dan dapat menarik pelanggan dengan mudah. Lokasi

perusahaan haruslah berada di Bandar-bandar dan tempat penduduk yang ramai agar dapat menarik pelanggan dengan mudah.

5.4.3 Harga

Harga merupakan salah satu perkara penting dalam strategi pemasaran. Dalam menentukan harga, kuantiti pengeluaran perlu dipertimbangkan sama ada dalam kuantiti kecil atau dalam kuantiti yang banyak. Cara penentuan harga barang WA adalah berbeza dengan harga pasaran WS disebabkan oleh bahan-bahan dan proses permbuatan yang tidak sama. Penentuan harga dibuat selepas mengetahui kos pengeluaran, iaitu semua perbelanjaan yang digunakan dalam menghasilkan produk berkenan. Costing sheet adalah pernyataan yang menunjukkan pelbagai komponen jumlah kos untuk produk dan menunjukkan data sebelumnya untuk perbandingan harga WA.

COSTING SHEET

BAHAN	KUANTITI	HARGA	JUMLAH
KUNYIT	6 KILOGRAM	RM6 / KILOGRAM	RM36
LILIN	2 KILOGRAM	RM8 / KILOGRAM	RM16
TAWAS	½ KILOGRAM	RM8 / KILOGRAM	RM4
KAPUR	2 UNIT	RM2 / UNIT	RM4
CANTING	1 UNIT	RM10/UNIT	RM10
BERUS	2 UNIT	RM3/ UNIT	RM 4
JUMLAH			RM74

MATERIAL	KUANTITI	HARGA	JUMLAH
KAPAS	17.5METER	RM10/METER	RM175
JUMLAH			RM 175

UPAH	JAM/MASA	HARGA	JUMLAH
CANTING	5HARI	RM15	RM75
CELUP	7HARI	RM30	RM210
MENUTUP	2 HARI	RM5	RM15
			RM300

UPAH	PRODUK	HARGA	JUMLAH
MEMOTONG	4	RM2/ PRODUK	RM10
MENJAHIT	1	RM20/ PRODUK	RM20
MENJAHIT	1	RM20/ PRODUK	RM40
MENJAHIT	3	RM10/ PRODUK	RM30
JUMLAH			RM100

JUMLAH KESELURUHAN	RM649
PRODUK BOLEH DIJUAL SEKITAR HARGA RM500-RM799	

Jadual 5.4.3 Costing Sheet

5.4.4 Promosi

Promosi pula adalah aktiviti untuk menyampaikan berkaitan keperincian ataupun manfaat sesuatu produk supaya dapat menarik minat pelanggan untuk memberlinya. Ia boleh di jalan kan secara iklan ataupun promosi atas talian (media sosial). Di zaman teknologi ini, penggunaan media sosial untuk tujuan promosi adalah sangat relevan. Ini di sebabkan oleh, penyebarannya yang cepat serta penjimatan kos dari segi promosi khususnya. Selain daripada menggunakan aliran media masa sebagai medium untuk mempromosikan produk jualan. Pengkaji berpendapat promosi ini juga harus di tumpukan dalam bentuk pameran atau event. Ini di sebabkan oleh, skop pelanggan yang di tumpukan untuk produk batik khususnya batik warna alam ini adalah kecil. Jadi jika di ketengahkan dalam bentuk event/ pameran, ia akan mengundang lebih ramai penggemar khususnya pada batik warna alam. Secara tidak langsung, ia juga merupakan promosi yang efektif untuk jualan produk batik warna alam ini.

5.5 Perbincangan

Hasil daripada projek penyelidikan ini, pengkaji mendapati bahawa WA mendapati bahawa WA adalah satu pewarnaan yang berbeza dan juga unik. Hasil dari projek penyelidikan ini, pengkaji mendapati bahawa warna alam merupakan suatu pewarnaan yang unik. Selain itu, pengkaji juga berpendapat penyelidikan berkaitan warna alam ini juga sesuatu kajian yang penuh dengan kejutan. Ini disebabkan oleh, terdapat beberapa hipotesis dan jangkaan kajian yang di buat oleh pengkaji tidak tercapai. Antaranya ialah WA yang dilakukan tidak sekata pada fabrik disebabkan proses pencelupan yang tidak tepat. Proses melakukan warna alam memerlukan teknik, pengalaman dan juga ilmu yang tepat. Pengkaji mendapati bahawa bahan pewarna alam perlu direbus dengan kuantiti air 7 liter atau lebih

bersamaan satu kilo bahan pewarna dan ianya hanya untuk 2 meter fabrik sahaja. Sekiranya air kurang atau fabrik melebihi 2 meter hal ini akan mengganggu semasa proses pencelupan dan akan menyebabkan ekstrasi warna pada fabrik tersebut tidak sekata.

5.6 Cadangan

Dalam bab ini cadangan yang ingin dikemukakan adalah WA perlu dilakukan secara teliti dan terperinci kerana proses untuk melakukan WA tidak sama dengan proses WS. Proses melakukan WS lebih mudah dilakukan dan ianya hanya mengambil masa yang sekejap. Proses WA perlu dilakukan dengan teknik pencelupan yang tepat. Antaranya ialah teknik pencelupan berganda agar dapat menghasilkan warna yang terang kerana apabila proses merebus dilakukan akan berlaku kelunturan warna pada fabrik. Hal ini menjadikan warna pada fabrik kelihatan pudar dan tidak mencapai warna yang diinginkan. Selain itu, kesalahan semasa proses pencelupan yang dilakukan boleh menjejaskan dan menjadikan warna pada fabrik tidak sekata. Hal ini berlaku apabila fabrik tidak tenggelam sepenuhnya ke dalam larutan warna menyebabkan kain tersebut memasuki oksigen dan warna tidak melekat pada fabrik.

Cadangan yang kedua adalah proses menggunakan bahan pemat warna. Dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan bahan pemat daripada kapur dan juga ion. Pengkaji menggunakan dua bahan pemat ini kerana ianya bersifat mengekalkan dan tidak melunturkan warna yang telah dicelup. Penggunaan bahan pemat warna ini amat penting bagi mengekalkan warna yang telah dicelup dan menghasilkan warna yang terang. Oleh disebabkan itu, pengkaji menyarankan agar memilih bahan pengunci warna yang betul untuk menghasilkan warna alam yang

cantik. Selain itu proses pencelupan bahan pematikan juga perlu dilakukan dengan proses yang tepat iaitu selama lima minit dengan teknik angkat celup. Hal ini penting agar warna pada fabrik sekata dan tidak bercapuk serta mengekalkan warna.

Cadangan yang seterusnya adalah proses pemotongan fabrik. Pengkaji mencadangkan agar memotong kain terlebih dahulu agar memudahkan proses pencelupan. Tambahan pula satu kilo bahan pewarna yang telah direbus dicadangkan khas hanya untuk dua meter fabrik sahaja. hal ini sangat penting agar proses lebih mudah dan proses pewarnaan jadi lebih mudah dan fabrik juga jadi lebih cantik dan sempurna.

5.7 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dirumuskan dalam kajian ini adalah pengkaji dengan jayanya dapat menghasilkan busana wanita mengunakan WA. Secara keseluruhan, pengkaji menggunakan kaedah eksperimentasi sebagai medium untuk mengenalpasti serta menyelesaikan setiap permasalahan kajian. Walaubagaimanapun, kaedah lain seperti temubual juga merupakan elemen penting untuk pengkaji dalam proses penyiapan projek penyelidikan ini. Secara khususnya, pengkaji melihat tentang potensi penggunaan warna alam dalam penghasilan batik di pasaran. Proses menghasilkan WA adalah sedikit sukar daripada WS, tetapi nilai estetika yang terdapat pada bahan pewarnaan alam itu sendiri mampu memberi nilai tambah untuk produk tersebut. Pakaian kasual warna alam juga dapat menggalakkan dan menarik minat anak-anak muda agar mengenal dan menggunakan WA sebagai fesyen yang terkini. Pengaruh anak-anak muda pada masa sekarang amat penting dalam mempromosikan sesuatu produk. Selain itu sasaran produk batik pakaian kasual ini adalah kepada golongan muda dan dewasa. Seterusnya dapat mengembangkan lagi market WA dalam pasaran Malaysia dan juga ke peringkat global.

BIBLIOGRAFI**Buku**

Biratul Anas, Hasnudin, Ratna Panggabean, M. Sn. Yanyan Sumarya. (1997). Indonesia Indah “Batik”. Jakarta: Yayasan Harapan Kita/BP 3 TMII

Faridah Hj. Salehan et.at. (2009). Pewarnaan Asli. Selangor: Institut Kraf Negara

Heriyanto Atmojo, S. Sn.. (1997). Batik Tulis Tradisional Kauman, Solo. Solo: Tiga Serangkai

Nor Azlina Yunus. (2011). Malaysian Batik: Reinventing A Tradition. Tokyo, Rutland, Vermont, Singapore: Tuttle Publishing

S. K. Sewan Susanto. (2018). Seni Batik Indonesia. Yogyakarta: ANDI

Jurnal/Kertas Kerja/Seminar/Prosiding

I.S.S Sahrifah, A.T.B.S Tengku Nurul, M.K Nor Khairushima, 2017. Thermal Modelling And Analysis of Batik Canting

Kant, B. Textile Dyeing industry an Enviremental Hazard, Open Access Jurnal Natural Science, 4(1), 2012

- Manurung, M. 2012. Aplikasi Kulit Buah Manggis (*Garcinia Mangostana L.*) Sebagai Pewarna Alami pada Kain Katun secara Pre-Mordanting. *Journal of Chemistry*, 6(2): 183-190
- Misuzu Onuki, 2012. The Role Of Space Casual wear From the Aspect Of The Colour Pchycology.
- Meylinda Mulyati. 2009. Analisis Pewarna Alami Pada Industri Tenun Songket Di KHM Husin Rahman Songket Palembang. *Jurnal Teknik Industri*, Vol. 9, No. 2, Desember 2009
- Nik Yusnita Nik Ahmed. Sumbangan Che Su Dan Keluarga Kepada Pembangunan Perusahaan Batik di Kelantan 2015.
- Rymbai, H., Sharma, R.R., and Srivasta, M. Bio-colorants and Its Implications in Health and Food Industry_A Riview. *International Journal of Pharmacologival Research* 2011.
- Septia Andini, Dian Widiawati S.Sn., M. Sn. Pemanfaatan Sabut Kelapa Dan Pewarna Alam Indigofera Sebagai Material Alternatif Pada Produk Kriya, *Jurnal Tingkat Sarjana Bidang Senirupa dan Desain (FSRD) ITB*, Vol 2, No. 1, 2013
- Setiawan, A. P., 2003, Potensi Tumbuh-Tumbuhan bagi Penciptaan Ragam Material Finishing untuk Interior, *Dimensi Interior*, halaman 46-60.

- Suarsa, I.W.,Suarya, P., dan Kurniawati, I. 2011. Optimasi Jenis Pelarut dalam Ekstraksi Zat Warna Alam Dari Batang Pisang Kepok (*Musa paradisiaca* L. cv kepok) dan Batang Pisang Susu (*Musa paradisiaca* L. cv sus
- Titiek Pujilestari. Pengaruh Ekstraksi Zat Warna Alam Dan Fiksasi Terhadap Ketahanan Luntur Warna Pada Kain Batik Katun. Dibentangkan di Balai Besar Kerajinan dan Batik , Jl. Kusumanegara, No. 7, Yogyakarta, Indonesia pada 25 Mac 2014
- Titiek Pujilestari. Sumber dan pemanfaatan zat warna alam untuk keperluan industry 2015.
- Titiek Pujillestari, Irfa'ina Rohana Salma. Senyawa Kimia Dan Arah Warna Kayu Secang (*Caesalpinia Sappan* Linn) Dan Gambir (*Uncaria Gambir*) Pada Berbagai Kondisi Ekstraksi Untuk Pewarnaan Batik 2017.
- Paryanto, Purwanto, A., Kwartiningsih, E., dan Mastuti, E. 2012. Pembuatan Zat warna Alami dalam Bentuk Serbuk untuk Mendukung Industri Batik di Indonesia. Jurnal Rekayasa Proses, 6(1): 26-29.
- Purnomo, M.A.J. 2004. Zat Pewarna Alam sebagai Alternatif Zat Warna yang Ramah Lingkungan. Jurnal Seni Rupa STSI Surakarta, 1(2): 57-61.
- Yernisa, Gumbira-Sa'id, E. dan Syamsu, K.2013. Aplikasi Pewarna Bubuk Alami dari Ekstrak Biji Pinang (*Areca catechu* L.) pada Pewarnaan Sabun Transparan. Jurnal Teknologi Industri Pertanian, Vol. 23 No. 3, halaman 190-198.

Yovika Oksivia, 2020. Kualitas Hasil Pencelupan Zat Warna Alam Dari Kunyit (Circuma Domestika Val) Pada Benang Tenun Sebagai Bahan Baku Pembuatan kain Tenun Troso,

Laman Sesawang

<https://www.beritasatu.com/beritasatu/gaya-hidup/180399/keunikan-batik-warna-alami-pikat-pasar-ekspor>, 17 Oktober 2020, jam 12.00pm

<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20160916/281917362541785>, 17 Oktober 2020, jam 12.41pm

<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20160916/281917362541785>, 17 Oktober 2020, jam 1.15pm

<https://www.sinarharian.com.my/article/47547/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Seni-batik-ibarat-mutiara-berharga>, 17 Oktober 2020, jam 2.36pm

<http://sosiologis.com/apa-itu-jurnal> 30 Disember 2020, jam 12.20pm

<https://nasional.kompas.com/read/2017/10/02/08144021/2-oktober-2009-unesco-akui-batik-sebagai-warisan-dunia-dari-indonesia>, 21 Januari 2021, jam 10.03pm

<https://www.jopglass.com/penelitian-terdahulu/> 28 Dcember 2020, jam 9.00pm

<http://sosiologis.com/apa-itu-jurnal> 30 december 2020, jam 12.20pm

<https://www.slideshare.net/mobile/fadzila1/temu-bual>, 1 Januari 2021, jam 10.11pm

<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2645/2016/09/194680/umk-raih-jualan-lebih-rm400000-sempena-fiesta-batik> , 30 December, 2020, jam 4.15pm

<https://www.slideshare.net/wonderwhy/kaedah-pengumpulan-data-pemerhatian> , 30
Dicember 2020, jam 5.20pm

http://studentsrepo.um.edu.my/5480/3/BAB_3_Metodologi_Kajian.pdf 30 Dicember
2020, jam 10:50pm

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN




Gambar 1: Mengutip bahan untul larutan warna alam



Gambar 2: Proses memotong bahan



Gambar 3: Proses merebus larutan warna



Gambar 4: Proses merebus lilin

KELANTAN



Gambar 5: Proses mengikat kain untuk
tye dye



Gambar 6: Proses pencelupan warna



Gambar 7: Proses mencanting



Gambar 8: Proses Pencelupan warna alam

KELANTAN



Gambar 9: Proses merebus untuk menanggalkan lilin



Gambar 10: Template Catalog hasil celupan warna alam

KELANTAN